

"SESUNGGUHNYA syaitan itu mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian antara kamu dengan sebab (meminum) arak dan (bermain) judi dan menghalangi kamu daripada mengingati Allah dan mengerjakan sembahyang maka tidakkah kamu mahu berhenti (daripada melakukan perbuatan keji itu)?"  
Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Al-Maa'idah, ayat 91.

## RAIH GANJARAN PAHALA MELALUI IBADAH KORBAN

Oleh : Srinarawie Bidzah  
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 27 Mei. - Aidiladha adalah syiar agung ugama kita kerana ia merujuk kepada peristiwa besar dua beranak menunaikan perintah Allah, sekali pun perintah itu sangat berat untuk dilaksanakan.

Dua beranak tersebut ialah Nabi Ibrahim dan putera Baginda Nabi Ismail Alaihimassalam. Mereka diuji oleh Allah untuk Nabi Ibrahim menyembelih putera Baginda, Nabi Ismail.

>> Muka 3



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam** dalam Titah Perutusan bersempena dengan Hari Raya Aidiladha Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi di Istana Nurul Iman.



### Berita Utama



**LAUNGAN** takbir semarakkan malam raya Aidiladha  
Muka 7



**LAWATAN** dedahkan pelajar peranan, fungsi BKISHHB  
Muka 29



**PLATFORM** memperkasa usahawan tempatan  
Muka 30



**PENGUNAAN** tembakau menjejaskan kesihatan  
Muka 27

## Berkenan kurnia agihan daging ibadah korban



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Raya Aidiladha bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi di Istana Nurul Iman.** - Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas (Lihat muka 3 hingga 4)

# Pendidikan inklusif diperkukuh melalui kepimpinan sekolah berkualiti



**MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh semasa berucap pada Majlis Konvensyen Pemimpin Sekolah Ke-8 Tahun 2026 pada Rabu, 6 Mei 2026 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa BRIDEX, Jerudong.**

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh :  
Awang Haji Mirazman Haji Othman

**Bismillahir Rahmanir Rahim.  
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,  
Wassalaatu Wassalaamu 'Ala  
Asyrafil Anbiya'e Wal Mursaleen,  
Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa  
Aalihee Wasahbihee Ajma'een  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Selamat Pagi semua.**

**A**LHAMDULILLAH, dengan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala, ini merupakan satu penghormatan dan keistimewaan kepada saya untuk berada di sini bersama awda semua pada pagi ini.

Selama bertahun-tahun, Konvensyen Pemimpin Sekolah terus berfungsi sebagai platform strategik utama, menyatukan pemimpin pendidikan untuk merenung hala

tuju sistem pendidikan kita, memperkukuh penajaman dengan keutamaan negara dan memanfaatkan kepakaran kolektif komuniti pendidikan kita. Lebih penting lagi, ia menyediakan ruang untuk menterjemahkan hasrat dasar kepada tindakan yang bermakna di peringkat sekolah.

Ini amat penting memandangkan kita berhimpun dengan tema tahun ini, 'Pemimpin Berkualiti, Pendidikan Berkualiti', dengan subtema 'Intervensi Awal untuk Pelajar SEN Memastikan Pertumbuhan Holistik Melalui Sokongan Proaktif'. Ini mencerminkan perubahan yang tepat pada masanya dalam keutamaan pendidikan kita, di mana kepimpinan semakin diperlukan untuk bersikap sengaja, responsif dan inklusif dalam memastikan tiada pelajar yang ketinggalan.

Kepentingan intervensi awal disokong kuat oleh penyelidikan global dan organisasi antarabangsa. UNESCO menekankan bahawa tahun-tahun awal mewakili tempoh kritikal perkembangan otak, dengan sehingga 90 peratus pertumbuhan otak berlaku sebelum usia lima tahun, membentuk pembelajaran, tingkah laku dan kesejahteraan sepanjang hayat kanak-kanak.

Begitu juga, penemuan OECD menekankan bahawa sistem awal kanak-kanak yang kukuh mestilah inklusif melalui reka bentuk, memastikan kedua-dua akses dan penyertaan yang bermakna untuk kanak-kanak dengan pelbagai keperluan pembelajaran. Wawasan global ini memberi kita mesej yang jelas: jika kita ingin menambah baik hasil jangka panjang, kita mesti bermula lebih awal, bertindak secara sengaja, dan

memastikan keterangkuman diterapkan dalam sistem.

Dalam hal ini, fokus konvensyen tahun ini mencerminkan perubahan penting: daripada bertindak balas terhadap cabaran apabila ia menjadi jelas, kepada membina sistem yang proaktif, responsif, dan inklusif melalui reka bentuk. Memastikan pertumbuhan holistik tidak terhad kepada pencapaian akademik; ia merangkumi perkembangan kognitif, sosial, emosi, dan tingkah laku setiap kanak-kanak.

Bagi pelajar Berkeperluan Pendidikan Khas, intervensi awal bermaksud, Mengenal pasti keperluan awal, Bertindak dengan jelas dan bermatlamat, Memberikan sokongan yang betul pada masa yang tepat dan yang paling penting, mewujudkan persekitaran pembelajaran di mana setiap kanak-kanak berasa dihargai, disokong dan mampu mencapai kejayaan.

Dalam usaha kita memajukan Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2023-2027 dan aspirasi negara kita di bawah Wawasan Brunei 2035, adalah penting untuk kemajuan dari segi kualiti dan inklusiviti bergerak seiring. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kementerian telah mengambil langkah penting untuk memperkukuh sokongan untuk pelajar dengan pelbagai keperluan pembelajaran melalui usaha pembinaan kapasiti guru yang berterusan dan pengukuhan program sokongan berstruktur di seluruh negara.

Walaupun bagaimanapun, apabila bilik darjah kita menjadi lebih pelbagai dalam keperluan pembelajaran, masih terdapat keperluan untuk memperkukuh lagi, proses saringan dan pengenalpastian awal, kerjasama antara guru, pakar dan keluarga serta pendekatan berasaskan data untuk menyokong

kemajuan pelajar.

Lebih penting lagi, ini memerlukan perubahan asas dalam pemikiran, daripada bertanya tentang kesukaran yang dihadapi oleh pelajar kepada bertanya bagaimana kita, sebagai sebuah sistem, boleh bertindak balas dengan lebih berkesan untuk menyokong pelajar.

Sistem yang kukuh dibina bukan sahaja melalui dasar, tetapi melalui kepaduan kerjasama dan kepimpinan di setiap peringkat. Peranan kita adalah untuk memastikan bahawa intervensi awal tidak berpecah-belah, tetapi tertanam dalam struktur sekolah, amalan pengajaran dan budaya sekolah.

Akhirnya, intervensi awal bukan sekadar program; ia adalah cara berfikir, dan cara memimpin.

Dalam hal ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada penceramah utama kami, Puan Jamilah binti Kadir, Pengarah, Pusat Serantau Pertubuhan Menteri Pendidikan Asia Tenggara untuk Keperluan Pendidikan Khas (SEAMEO SEN) kerana berkongsi pandangan beliau tentang peranan kepimpinan sekolah dalam menterjemahkan dasar kepada amalan peringkat sekolah yang berkesan. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada penceramah plenari dan forum kami yang dihormati, yang mempunyai pelbagai pengalaman dan perspektif yang memperkayakan pemahaman kolektif kami tentang pengukuhan kapasiti peringkat sekolah dan sistem untuk menyokong intervensi awal untuk pelajar SEN.

>> Muka 10

WAKTU SEMBAHYANG										
MEI MASHI	HARI	ZULHIJAH HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
30	SABTU	12	4.33	4.43	6.06	6.30	12.19	3.43	6.29	7.44
31	AHAD	13	4.33	4.43	6.06	6.30	12.19	3.44	6.29	7.44
1 JUN	ISNIN	14	4.32	4.42	6.06	6.30	12.19	3.44	6.30	7.45
2	SELASA	15	4.33	4.43	6.07	6.31	12.19	3.44	6.30	7.45
3	RABU	16	4.33	4.43	6.07	6.31	12.19	3.45	6.30	7.45
4	KHAMIS	17	4.33	4.43	6.07	6.31	12.20	3.45	6.30	7.46
5	JUMAAT	18	4.33	4.43	6.07	6.31	12.20	3.45	6.30	7.46

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
SABTU	AHAD	ISNIN	
Bandar Seri Begawan 32 25 °C	32 25 °C	33 25 °C	
Pekan Bangar 32 25 °C	32 25 °C	33 25 °C	
Pekan Tutong 32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	
Kuala Belait 32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	

Wallahualam Bissawab  
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi  
www.mef.gov.bn

## SIDANG PENGARANG

30 MEI 2026

### Kebahagiaan hakiki terletak pada pengorbanan yang ikhlas

**H**ARI Raya Aidiladha atau juga dikenali sebagai Hari Raya Korban sering disambut dengan menyembelih haiwan ternakan dan kemudian mengagihkan daging haiwan yang telah disembelih kepada yang memerlukan. Namun, di sebalik tumpuan kepada ibadah fizikal, tersimpan makna pengorbanan yang sangat mendalam untuk direnungi. Aidiladha bukan sekadar acara tahunan yang melibatkan pengorbanan, tetapi ia adalah detik untuk kita kembali menyegarkan semangat keikhlasan dan ketakwaan dalam kehidupan seharian.

Ibadah korban telah bermula sejak dari zaman Nabi Ibrahim Alaihissalam hinggalah ke zaman Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan mengandungi bermacam-macam kelebihan. Di antara kelebihan yang terkandung di dalam melakukan ibadah korban ialah ia melahirkan rasa kasih sayang antara dua golongan iaitu golongan senang dan golongan susah di mana orang yang senang gembira dapat bersedekah manakala yang susah bergembira menerima sedekah. Ibadah korban juga dilaksanakan sebagai tanda kesyukuran di atas segala nikmat dan rezeki yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada setiap hambanya. Ibadah ini juga nanti akan menjadi pendinding daripada api neraka, berdasarkan kepada sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud : "Sesiapa yang berkorban dengan hati yang ikhlas, adalah menjadi pendinding baginya daripada api neraka". (Hadis Riwayat At-Thabrani).

Dalam konteks kehidupan moden, menghayati makna pengorbanan berkaitan Hari Raya Aidiladha bermaksud mengaplikasikan semangat pengorbanan untuk perkara yang lebih baik. Sebagai contoh, ibu bapa yang berkorban masa dan tenaga demi pendidikan anak-anak, seorang doktor yang bertugas di kawasan pedalaman atau seorang pekerja yang jujur dalam tugas. Pengorbanan ini mengajar kita erti persaudaraan sejati. Berbalik kepada ibadah korban, pembahagian daging korban kepada orang-orang yang memerlukan dan jiran tetangga bukan sekadar memberi makanan, tetapi memutuskan rantai kesenjangan sosial dan melahirkan rasa kebersamaan yang utuh.

Selain itu, ibadah korban mengajak kita mengorbankan sifat-sifat *mazmumah* dalam diri seperti hasad dengki, sombong, dan tamak. Jika kita benar-benar memahami mesej Hari Raya Aidiladha ini, kita akan lebih mudah memaafkan kesalahan orang lain dan bersikap pemurah. Korban yang paling tinggi nilainya adalah apabila kita sanggup mengorbankan ego peribadi demi kesejahteraan masyarakat. Kesimpulannya, Aidiladha memberi pengajaran kehidupan yang mengingatkan bahawa kebahagiaan hakiki bukan terletak pada apa yang kita simpan, tetapi pada apa yang kita beri dan korbankan dengan hati yang ikhlas. - **Ketua Penyuntingan (Nr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دجیتق اوله قرینت قلس سنديرين برحد، نگاربروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# BERKENAN KURNIA AGIHAN DAGING IBADAH KORBAN



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta kerabat diraja berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Raya Aidiladha bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi (atas dan atas kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 28 Mei. - Majlis Ibadah Korban Sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta kerabat baginda dan Majlis Sambutan Hari Raya Aidiladha bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi diraikan pada pagi tadi, di Istana Nurul Iman. Kebawah Duli Yang Maha Mulia



Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Awang Haji Abas, Mohammad Hafiz Matzin

Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan berangkat ke majlis berkenaan.

Paduka Seri Baginda Sultan Haji Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

>> Muka 4



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta kerabat diraja dan jempunan yang hadir menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan (atas, bawah kiri dan kiri). Sementara gambar bawah tengah, bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dipersembahkan oleh Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri sementara  *Tadabbur Al-Quran* disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Unit Kaunseling dan Kefahaman Ugama, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Yussof bin Haji Abdul Majid. Manakala gambar bawah kanan, majlis turut dipersembahkan dengan selawat.



## Raih ganjaran pahala melalui ibadah korban

>> Muka 1

Demikian antara titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Titah Perutusan bersempena dengan Hari Raya Aidiladha Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi di Istana Nurul Iman, hari ini. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang

Oleh : Srinarawie Bidzah

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya bertitah menekankan dalam Surah Ash-Shaafaat, ayat 102, Nabi Ibrahim berkata kepada puteranya Nabi Ismail : "Wahai anak kesayanganku, sesungguhnya aku melihat dalam mimpi, bahawa aku akan menyembelihmu, maka fikirkanlah apa pendapatmu?"

"Menjawab Ismail : "Wahai ayah, laksanakanlah apa yang diperintahkan kepada ayah, insyaaAllah, ayah akan mendapati saya daripada orang-orang yang

sabar.

"Demikian gambaran yang sangat mengharukan bagaimana patuhnya dua beranak ini menjunjung titah perintah Allah," titah baginda lagi.

Seterusnya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah ini adalah pengajaran sepanjang zaman untuk kita umat Islam. Ia bukan untuk dibaca semata-mata, tetapi inti patinya adalah untuk diambil sebagai tauladan.

Di antara tauladan yang disuruh kita membuatnya titah baginda lagi,

ialah dengan menyembelih binatang korban. Sama ada korban wajib atau korban sunat, semuanya itu adalah bukti ketaatan yang sangat bermakna. Allah tidak akan mensia-siakannya.

"Oleh itu, bagi siapa yang mampu, marilah kita sama-sama melakukan korban, untuk meraih ganjaran pahala di akhirat kelak.

"Saat yang penuh berkat ini, beta dengan ingatan tulus ikhlas turut mendoakan para jemaah haji kita yang sedang berada di Tanah Suci, semoga mereka berada dalam keadaan yang serba mengizinkan sehingga dapat menunaikan ibadah

dengan lancar dan sempurna serta beroleh haji yang mabrur," titah baginda lagi.

Dalam mengakhiri titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kerabat diraja dengan tulus ikhlas serta sukacita mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha kepada seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam di mana sahaja mereka berada, dengan iringan doa semoga kita semua berada dalam sihat afiat, riang gembira, murah rezeki, dapat menunaikan ibadat dengan khusyuk dan tawaduk untuk mendapatkan reda Allah dan keberkatan daripada-Nya.



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan daging ibadah korban kepada para penerima khas (kiri dan kanan).

**>> Muka 3**

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyah binti Pengiran Haji Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri

Bolkiah.

Juga berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam serta kerabat diraja yang lain.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat diraja yang lain dijunjung oleh Penasihat Bersama dan Pengerusi Bersama serta Ahli Jawatankuasa Tertinggi Majlis Ibadah Korban Sunat Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja

Isteri serta kerabat baginda dan Majlis Sambutan Hari Raya Aidiladha di Istana Nurul Iman bagi Tahun 1447H / 2026M, Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman; Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr.

Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad; dan Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned.

Sebelum majlis dimulakan, selawat dipersembahkan oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Pengajian Islam dan Jabatan Hal Ehwal Masjid; juga para pensyarah, pegawai, kakitangan serta mahasiswa Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Seterusnya, bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dipersembahkan oleh johan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun

1447H / 2026M, Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri.

Sementara *tadabbur* Al-Quran disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Unit Kaunseling dan Kefahaman Ugama, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Yussof bin Haji Abdul Majid.

Kebawah DYMM kemudian berkenan mengurniakan daging ibadah korban kepada 50 penerima khas yang terdiri daripada 25 lelaki dan 25 perempuan daripada golongan asnaf fakir dan miskin di seluruh negara.

Bagi membrkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan.

Pada tahun ini, sebanyak 210 ekor haiwan korban telah dikorbankan, iaitu 196 ekor sapi dan 14 ekor kambing.

Sebahagian daripada daging ibadah korban sunat berkenaan diagihkan kepada seramai 18,527 orang asnaf fakir dan miskin di seluruh negara.



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat diraja berkenan berangkat ke majlis berkenaan (atas).

**SEBAHAGIAN** yang hadir ke majlis tersebut (kiri sekali dan kiri).

# BERKENAN MENYEMPURNAKAN PENYEMBELIHAN IBADAH KORBAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan berangkat ke pekarangan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiarong (atas), manakala gambar kanan, baginda berkenan menyempurnakan penyembelihan haiwan korban.



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Awang Haji Abas, Mohammad Hasif Matzin

**KIARONG**, Khamis, 28 Mei. - Antara fadilat ibadah korban menurut Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ialah menambah amal kebajikan, sesuai dengan sabda Baginda, iaitu : "Korban itu bagi tuannya dengan setiap bulunya adalah kebajikan". (Hadis riwayat Tirmizi, Ibnu Majah dan Al-Hakim).

Sehubungan itu, pada pagi tadi, sejurus selesai Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha, berlangsung Majlis Ibadah Korban Sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta kerabat baginda sempena Hari Raya Aidiladha Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

Majlis berkenaan berlangsung di pekarangan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiarong, di sini.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Penasihat Bersama dan Pengerusi Bersama serta Ahli Jawatankuasa Tertinggi Majlis Ibadah Korban Sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta kerabat baginda sempena Hari Raya Aidiladha Tahun 1447H / 2026M, Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad

Isham bin Haji Jaafar; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad; Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned; dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran

Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Pada majlis berkenaan, empat ekor kambing disempurnakan penyembelihannya oleh Kebawah DYMM serta kerabat baginda.

Manakala penyembelihan haiwan-haiwan korban Kebawah DYMM serta kerabat baginda yang selebihnya disempurnakan di Syarikat Mohammed Nurfaizal bin Haji Zainuddin dan Anak-anak,

Kampung Lampaki, Mulaut, Daerah Brunei dan Muara; dan Syarikat PDS Abattoir Sdn. Bhd., Kampung Batang Mitus, Daerah Tutong.

Pada tahun ini, sebanyak 210 ekor haiwan korban, iaitu 196 ekor sapi, dan 14 ekor kambing dikorbankan dan sebahagian daging ibadah korban sunat berkenaan diagihkan kepada sejumlah 18,527 asnaf fakir dan miskin di seluruh negara.



PADUKA-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan menyempurnakan penyembelihan haiwan-haiwan korban (atas dan kanan).



PADUKA anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menyempurnakan penyembelihan haiwan korban.



# KEBAWAH DYMM BERANGKAT MENUNAIKAN SEMBAHYANG SUNAT HARI RAYA AIDILADHA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda serta adinda baginda berangkat menyertai bersama jemaah di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong bagi menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha bagi Tahun 1447 Hijrah (atas dan kanan).

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Awang Haji Abas, Mohammad Hasif Matzin

**KIARONG**, Khamis, 28 Mei. - Pujian takbir, tasbeih dan tahmid bergema lagi di bumi Darussalam tanda syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas kurniaan-Nya, kita menyambut Hari Raya Aidiladha 1447 Hijrah pada hari ini.

Dalam sama-sama mensyukuri nikmat yang kita raikan ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyertai bersama jemaah di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong bagi menunaikan Sembahyang Sunat

Hari Raya Aidiladha bagi Tahun 1447H.

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.



Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman; Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Dato Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad; Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin

Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned; dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Pada pagi berkenaan, Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha Berjemaah diimamkan oleh Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar.

Diikuti dengan Khutbah Hari Raya Aidiladha yang dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

Mufti Kerajaan dalam khutbah pertamanya menjelaskan Aidiladha ertinya ialah Hari Raya Korban.

"Adapun asal korban di sini ialah braham nyawa, di mana Nabi Ibrahim Alaihissalam telah diminta oleh Allah untuk mengorbankan nyawa putera Baginda, iaitu Nabi Ismail Alaihissalam - satu ujian yang sangat sukar untuk dilaksanakan.

"Namun dua beranak ini ternyata manusia luar biasa; mereka tetap bersedia dan reda untuk mematuhi perintah Allah, walaupun perintah itu amat pahit bagi mereka," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya menerangkan sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hajj, ayat 32, yang tafsirnya : "Barang siapa yang menghormati syiar-syiar atau tanda-tanda kebesaran Allah (seperti melakukan ibadah korban), maka sesungguhnya perbuatan seperti itu adalah terbit daripada hati-hati yang bertakwa.

Dalam khutbah keduanya pula, Yang Berhormat Mufti Kerajaan menjelaskan Negeri Mekah yang dahulunya kering kontang dan tidak aman, tiba-tiba menjadi subur dan aman, berkat doa Nabi

Ibrahim Alaihissalam.

"Ini, tidak diragukan lagi adalah satu 'rahsia besar', rahsia ketuhanan bahawa doa mampu untuk mengubah keadaan, mampu untuk menjadikan bumi tandus menjadi subur dan mampu untuk menjadikan negeri kacau bilau menjadi aman, dan doa juga boleh menolak bala seperti banjir besar, ribut taufan, gempa bumi, kebakaran-kebakaran besar yang memusnahkan hutan dan kediaman," ujar Yang Berhormat lagi.

Negara Brunei Darussalam terang Yang Berhormat lagi, Alhamdulillah, betul-betul mirip seperti Mekah al-Mukarramah, dari segi, ia turut dibangun dengan doa, dengan zikir dan dengan Al-Quran.

"Brunei, tidak pernah sunyi daripada doa, daripada zikir, daripada Al-Quran.

"Maka kerana itu, Brunei pun kita dapati sentiasa dalam selamat, kerana ia adalah Negara Zikir dan kepala zikir itu pula ialah Al-Quran.

"Al-Quran tidak diragukan lagi adalah penyelamat," terang Yang Berhormat lagi.

Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha diadakan secara serentak di masjid-masjid utama, surau dan balai ibadat seluruh negara bermula pada jam 7.30 pagi tadi dengan kehadiran ramai jemaah yang turut sama menyemarakkan Hari Kebesaran Islam berkenaan.

Hari Raya Aidiladha bukan sekadar sambutan, bahkan mengangkat makna ketaatan, keikhlasan dan pengorbanan sebagaimana yang dicontohkan oleh Nabi Ibrahim Alaihissalam dan Nabi Ismail Alaihissalam yang terus menjadi inspirasi serta pedoman dalam kehidupan seharian umat Islam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda serta adinda baginda menadah tangan ketika doa dibacakan oleh Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie.



KHUTBAH Hari Raya Aidiladha dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda berangkat balik (atas), manakala gambar kiri, antara jemaah yang hadir pada majlis berkenaan.

# LAUNGAN TAKBIR SEMARAKKAN MALAM RAYA AIDILADHA



**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir pada acara Takbir Beramai-ramai sempena Hari Raya Aidiladha bagi Tahun 1447 Hijrah di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah (atas dan kanan).



**Oleh :** Nooratini Haji Abas  
**Foto :** Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

**KIARONG**, Khamis, 27 Mei. - Sunat melaungkan takbir dengan suara yang Jahr (nyaring), sama ada di rumah, masjid mahupun di tempat-tempat awam pada malam Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha iaitu bermula selepas terbenam matahari sehingga imam mengangkat Takbiratul Ihram bagi Sembahyang Sunat Hari Raya.

Takbir ini dinamakan sebagai Takbir Mursal dan Takbir Mutlaq iaitu takbir yang tidak terikat dengan waktu selepas sembahyang dan boleh dilaungkan pada bila-bila masa sahaja.

Sementara itu, Takbir Muqayyad ialah takbir yang terikat, iaitu takbir yang dilaungkan sebaik sahaja selesai menunaikan sembahyang fardhu, sunat, tunai ataupun qada. Takbir Muqayyad ini khusus bagi Hari Raya Aidiladha dan bagi mereka yang tidak mengerjakan ibadah haji.

Acara melaungkan takbir bagi kedua-dua Hari Raya tersebut di Negara Brunei Darussalam bukanlah suatu yang baharu.

Ia telah dipraktikkan di negara ini sejak sekian lama dan menjadi salah satu syiar Islam dalam usaha melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, di samping memberi kesedaran kepada umat Islam agar sentiasa mengamalkan segala suruhan Allah Subhanahu Wata'ala dan menjauhi segala larangan-Nya.

Sehubungan itu, acara Takbir Beramai-ramai sempena Hari Raya Aidiladha bagi Tahun 1447 Hijrah diadakan malam tadi di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara dengan tumpuan utama di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, di sini.

Hadir bagi menyemarakkan majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka

Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abd. Karim serta pengarah-pengarah, para pegawai kanan dan kakitangan di bawah KHEU dan penduduk sekitarnya.

Majlis diserikan dengan tazkirah disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang

Muhammad Safwan bin Muhd. Suffian.

Manakala laungan takbir dipimpin oleh para pegawai dan kakitangan KHEU; Pegawai Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiarong; Jabatanarah Agama, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; Badan Ugama Islam, Pasukan Polis Diraja Brunei; Anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat; Jabatan Penjara; para pelajar dan tenaga akademik Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanil Bolkiah dan KUPU SB; Kumpulan Belia Masjid Senegara; serta para pelajar Skim Tilawah Al-Quran Remaja (STAR).

Acara Takbir Beramai-ramai Sempena Hari Raya Aidiladha antara lain bertujuan untuk menghidupkan malam Hari Raya Aidiladha yang disambut pada 10 Zulhijah 1447 Hijrah.

Selain itu, acara tersebut juga merupakan usaha menjunjung Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanil Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam melahirkan masyarakat yang bertakwa, di samping mengajak masyarakat untuk menghayati makna kandungan takbir Hari Raya.

Majlis seumpama ini juga berperanan dalam memupuk semangat hidup berjemaah, mengeratkan silaturahmi serta mendekatkan masyarakat dengan masjid.

Pada masa yang sama, ia juga dapat menyemai rasa cinta terhadap rumah Allah Subhanahu Wata'ala sebagai institusi penting yang menjadi harapan kepada agama, bangsa dan negara.

Acara Takbir Beramai-ramai Sempena Hari Raya Aidiladha bagi Tahun 1447 Hijrah dikendalikan oleh KHEU melalui Bahagian Imarah, Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiarong.

## Mengimarahkan malam Hari Raya Aidiladha melalui laungan takbir



**MUKIM KOTA BATU**, Rabu, 28 Mei. - Dalam sama-sama menyemarakkan Malam Takbir Hari Raya Aidiladha, Kementerian Pertahanan baru-baru ini telah mengadakan Program Jangkauan dengan tumpuan majlis berlangsung di Masjid Kampung Puduk, Mukim Kota Batu.

Hadir pada majlis berkenaan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir, Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif

Pertahanan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan warga Kementerian Pertahanan, di samping jemputan khas termasuk Penghulu Mukim Kota Batu dan Ketua Kampung Puduk.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardhu Isyak Berjemaah yang diimamkan oleh Imam Masjid Kampung Puduk, Awang Mohammad Akmal Syahmi bin Shahri.

Antara pengisian majlis ialah penyampaian hamper Hari Raya dan sumbangan daripada Tabung Infaq Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) kepada golongan asnaf di Kampung Puduk.

Majlis turut diserikan dengan penyampaian tazkirah bertajuk 'Takbir Mengiringi Keimanan' yang disampaikan oleh Guru Ugama dari Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Awang Muhammad Nur Amin bin Haji Jali, sebelum diteruskan dengan laungan Takbir Hari Raya.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Program Jangkauan berkenaan merupakan salah satu pembaharuan dalam aktiviti bermasyarakat yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan di seluruh daerah, melibatkan Masjid



**YANG** Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir pada Program Jangkauan dengan tumpuan majlis berlangsung di Masjid Kampung Puduk, Mukim Kota Batu (atas dan kiri).

**Siaran Akhbar dan Foto :** Kementerian Pertahanan

Kampung Puduk dan Masjid Kampung Pulaie di Daerah Brunei dan Muara; Masjid Kampung Benutan dan Masjid Kampung Keriam di Daerah Tutong; Masjid Pekan Seria dan Masjid Al-Mashor Kampung Sungai Mau di Daerah Belait; serta Masjid Utama Mohammad Salleh Pekan Bangar dan Masjid Pengiran Haji Abu Bakar, Kampung Bokok di Daerah Temburong.

Acara serupa turut diadakan secara serentak di seluruh surau perkhemahan ABDB termasuk di Masjid Pulau Baru-baru.

Program Jangkauan ke Masjid Kampung Puduk berkenaan juga merupakan kesinambungan

daripada Projek Titian Amal yang telah dilaksanakan oleh Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) bersempena Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-64 yang lalu, melibatkan kerja-kerja pembaikan menara masjid berkenaan.

Penganjuran majlis berkenaan bukan sahaja menjadi wadah untuk mengimarahkan malam Hari Raya Aidiladha melalui laungan takbir dan perlaksanaan ibadah-ibadah sunat, malah turut mengukuhkan silaturahmi antara warga Kementerian Pertahanan dan masyarakat setempat dalam menzahirkan rasa syukur atas segala nikmat kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala.

# KEMENTERIAN PERTAHANAN AGIH DAGING KORBAN KEPADA 200 PENERIMA

**YANG** Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir pada Majlis Korban dan Pengagihan Daging Korban sempena Hari Raya Aidiladha 1447 Hijrah (kanan dan kanan sekali).



**BERAKAS**, Jumaat, 29 Mei. - Sebanyak 10 ekor kerbau dan lima ekor kambing telah dikorbankan dan diagihkan kepada 200 penerima, terdiri daripada kakitangan Kementerian Pertahanan, pesara tentera, saudara-saudara baharu yang telah memeluk agama Islam dan individu yang kurang bernasib baik, pada Majlis Korban dan Pengagihan Daging Korban sempena Hari Raya Aidiladha 1447 Hijrah di Surau Ad-Difa', Bolkiah Garison, di sini.

Hadir pada majlis tersebut dan seterusnya menyempurnakan pengagihan daging korban ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir ialah Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan, Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif ABDB, pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan

Kementerian Pertahanan.

Pada tahun ini, jumlah binatang korban yang disembelih di semua Perkhemahan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berjumlah 37 ekor kerbau dan 9 ekor kambing.

Acara keugamaan tahunan ini mencerminkan komitmen berterusan Kementerian Pertahanan dalam memperkukuhkan kebajikan, tanggungjawab sosial, serta nilai-nilai pemberian amal di kalangan warga Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Majlis berkenaan antara lain merupakan sebahagian daripada inisiatif tahunan Kementerian Pertahanan untuk mengukuhkan semangat kebersamaan, muhibah dan saling membantu dalam kalangan Kementerian Pertahanan dan masyarakat ABDB.

Ibadah korban merangkumi nilai berkongsi dan mengambil berat kepada mereka yang memerlukan, memastikan keberkatan dan semangat Aidiladha, selaras dengan nilai Maqasid Syariah yang mementingkan kebajikan dan kesejahteraan masyarakat.

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohammad Hasif Matzin



## Memperkukuhkan nilai kesukarelawan melalui Majlis Korban, Akikah

Berita dan Foto : Nurdiyana Rajami

**TUNGKU LINK**, Jumaat, 29 Mei. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) hari ini terus memperkukuh nilai-nilai belas kasihan, kesukarelawan dan penglibatan masyarakat melalui penganjuran Majlis Korban dan Akikah tahunannya sempena Sambutan Hari Raya Aidiladha 1447 Hijrah bertempat di Dewan Serbaguna (Multipurpose Hall), Bangunan Hal Ehwal Pelajar (HEP), UBD.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang dikendalikan di bawah Unit Kerohanian dan Khidmat Masyarakat, Seksyen Hal Ehwal Pelajar (Student Affairs Section - SAS) dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Brunei Darussalam (PMUBD) itu ialah Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle.

Sebanyak enam ekor kerbau dan seekor kambing telah diagihkan pada majlis tersebut yang disempurnakan sesi pengagihan daging korban dan akikah kepada para peserta dan penerima yang hadir oleh tetamu kehormat.

Para sukarelawan terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi serta ahli jawatankuasa bekerjasama dalam menguruskan penyediaan, pembungkusan dan pengagihan daging korban serta akikah kepada para peserta, ahli keluarga yang kurang berkemampuan dan juga ahli komuniti UBD menerusi *self-collection* dan juga penghantaran.

Ketua Eksekutif Hal Ehwal Agama dan Kerohanian PMUBD, Awangku Muhammad Fauzan Al-Hadey bin Pengiran Damit berkongsi, majlis berkenaan lebih daripada sekadar program keagamaan di mana ia adalah inisiatif bermakna yang mengajar kita nilai pengorbanan, keikhlasan, kerja berpasukan dan membantu masyarakat.

Menerusi majlis berkenaan, ia begitu mencerminkan semangat kebersamaan dan tanggungjawab sosial yang dipupuk dalam kalangan warga universiti.

Selain itu, ia juga mencerminkan komitmen berterusan UBD ke arah memupuk para mahasiswa dan mahasiswi atau bakal graduan yang serba lengkap dan bertanggungjawab secara sosial melalui pembelajaran berasaskan pengalaman, kepimpinan pelajar dan penglibatan berasaskan komuniti yang bermakna di luar bilik kuliah.

Program ini juga menyediakan para mahasiswa dan mahasiswi peluang berharga untuk membangunkan kepimpinan, kerja berpasukan dan kemahiran organisasi melalui penglibatan komuniti dan juga pengalaman secara langsung. Turut hadir pada majlis tersebut, tetamu jemputan dan warga universiti.



NAIB Canselor UBD mengagihkan daging korban dan akikah kepada para peserta dan penerima.

## Masjid Serdang laksana ibadah korban



**YANG** Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama semasa hadir dan seterusnya mengagihkan daging korban kepada para penerima (kiri dan bawah kiri).

bagi Tahun 1447 Hijrah bersamaan 2026 Masihi bertempat di Masjid Serdang, hari ini. Pada majlis tersebut, sebanyak tiga ekor kerbau telah dikorbankan dengan penyertaan seramai 21 peserta korban.

Daging-daging korban kemudiannya diagihkan kepada 31 penerima dalam kalangan asnaf fakir miskin yang terdiri daripada penduduk Kampung Sungai Belukut, Kampung Serdang dan Kampung Sungai Matan.

Pengagihan daging korban disempurnakan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri serta Penghulu Mukim Kota Batu, Awang Rasli bin Taram selaku Penaung Bersama Jawatankuasa Takmir Masjid Serdang.

Majlis tersebut diadakan sebagai salah satu usaha memperkukuhkan semangat kebersamaan, perpaduan dan sikap saling bantu-membantu dalam kalangan masyarakat di samping menghayati pengertian sebenar ibadah korban.



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman  
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

**SERDANG**, Jumaat, 29 Mei. - Ibadah korban adalah antara amalan yang sangat dituntut dalam Islam dan mempunyai banyak hikmah antaranya ialah sebagai tanda syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala terhadap nikmat dan rezeki

yang dikurniakan-Nya dan juga merupakan antara jalan untuk mendekati diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sehubungan itu, Jawatankuasa Takmir Masjid Serdang mengadakan Majlis Ibadah Korban

# TINJAUAN PROSES PENYEMBELIHAN, MELAPAH, PEMBUNGKUSAN HAIWAN KORBAN

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Azmah Haji Ahad

**MULAUT**, Khamis, 28 Mei. - Kerja-kerja proses penyembelihan dan melapah serta pembungkusan bagi haiwan ibadah korban sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta kerabat baginda sempena Hari Raya Aidiladha Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi telah dilaksanakan di dua buah syarikat tempatan, Kementerian Hal Ehwal Ugama



(KHEU) telah melantik dua syarikat, iaitu Syarikat Mohammed Norfaidzal bin Haji Zainuddin dan Anak-anak, Lot G, Projek Ladang Ternakan Lampaki, Jalan Mulaut Lampaki, Kampung Mulaut dan Syarikat PDS Abattoir Sendirian Berhad bertempat di Tapak Perusahaan Rumah Penyembelihan di Kawasan Pertanian Kampung Batang Mitus, Mukim Kiudang, Tutong sebagai pembekal haiwan korban.

Hadir bagi meninjau kerja-kerja proses di Projek Ladang Ternakan Lampaki, Jalan Mulaut Lampaki, Kampung Mulaut, di sini, ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar.

Sementara itu, proses pengagihan dilaksanakan di beberapa buah lokasi di seluruh negara iaitu enam lokasi bagi Daerah Brunei dan Muara, dua lokasi bagi Daerah Belait, dua lokasi bagi Daerah Tutong dan sebuah lokasi bagi Daerah Temburong.



**YANG** Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir bagi meninjau kerja-kerja proses di Projek Ladang Ternakan Lampaki, Jalan Mulaut Lampaki, Kampung Mulaut. Turut hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), KHEU (atas). Sementara gambar kiri, antara kerja proses di Projek Ladang Ternakan Lampaki.

Sebanyak 210 ekor haiwan korban iaitu sebanyak 196 ekor sapi dan 14 ekor kambing dikorbankan dan sebahagian daging ibadah korban sunat tersebut diagihkan kepada sejumlah 18,527 orang asnaf fakir dan miskin di seluruh negara. Dua buah syarikat berkenaan dipilih untuk membekalkan haiwan-haiwan yang berkualiti yang kebanyakannya didatangkan

dari wilayah Australia.

Syarikat-syarikat berkenaan turut menyediakan perkhidmatan penyembelihan semasa korban mengikut kehendak undang-undang syariat Islam yang ketat serta kebersihan dan kualiti yang terjamin. Di samping itu juga, syarikat berkenaan membekalkan daging segar dan beku ke pasar raya-pasar raya dan restoran-restoran di negara ini.

## Pastikan kelancaran proses pelaksanaan perkhidmatan ibadah korban

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BATANG MITUS**, Khamis, 28 Mei. - Syarikat PDS Abattoir Sendirian Berhad, anak syarikat Darussalam Assets Sendirian Berhad, sekali lagi diberi kepercayaan sebagai salah sebuah syarikat pembekal haiwan korban bagi Majlis Ibadah Korban Sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta kerabat baginda sempena Hari Raya Aidiladha Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

Sehubungan itu, kerja-kerja proses penyembelihan dan melapah serta pembungkusan khusus bagi haiwan ibadah korban sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta kerabat baginda sempena Hari Raya Aidiladha tahun ini sempurna dilaksanakan bertempat di Tapak Perusahaan Rumah Penyembelihan, di Kawasan Pertanian Kampung Batang Mitus, Mukim Kiudang, Tutong.

Hadir meninjau kerja-kerja proses pelaksanaan berkenaan ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan. Hadir sama Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid dan ahli-ahli lembaga pengarah syarikat.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap

**YANG** Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, bersama Yang Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi) hadir meninjau meninjau kerja-kerja proses pelaksanaan berkenaan di Tapak Perusahaan Rumah Penyembelihan, di Kawasan Pertanian Kampung Batang Mitus, Mukim Kiudang, Tutong (kanan). Manakala gambar bawah kiri, kerja-kerja proses penyembelihan dan melapah di rumah penyembelihan tersebut.

(Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim.

Penolong Pengarah Pembangunan Perniagaan, Syarikat PDS Abattoir Sdn. Bhd., Awang Mohd. Zul Fadhl bin Haji Mas Hood berkata, pada tahun ini syarikat berkenaan mengimport haiwan korban yang diimport dari Australia khusus bagi ibadah korban.

Beliau menambah, kerja-kerja pelaksanaan dilakukan oleh lebih 100 kakitangan syarikat berkenaan serta pekerja-pekerja sambilan yang turut sama membantu melancarkan pelaksanaan perkhidmatan ibadah korban tersebut.

Syarikat berkenaan juga menyediakan perkhidmatan penyembelihan semasa korban untuk orang ramai mengikut pakej-pakej yang ditawarkan sekali gus memudahkan orang ramai untuk melaksanakan ibadah korban. Selain perkhidmatan tersebut, Syarikat PDS Abattoir Sdn. Bhd. turut membekalkan daging segar dan produk proses sejuk beku ke pasar raya-pasar raya di seluruh negara.

Sementara itu, proses pengagihan daging-daging ibadah korban kepada penerima-penerima yang terdiri daripada golongan asnaf fakir dan miskin serta tanggungan mereka dilaksanakan di beberapa buah lokasi di seluruh negara.






**AWASI KELAJUAN,  
BERI PERHATIAN KEPADA JALAN RAYA.**

**WATCH YOUR SPEED,  
WATCH THE ROAD.**

Road Safety Depends  
on #YouAndMe



# TINGKATKAN KESEDARAN, PENGHAYATAN NILAI KEROHANIAN MELALUI AKTIVITI BERTERASKAN IBADAH

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Azmah Haji Ahad



TAZKIRAH Khas telah disampaikan oleh Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak.

**TEMBURONG**, Jumaat, 29 Mei. - Jabatan Penjara dan Jabatan Daerah Temburong menganjurkan Program Kemasyarakatan dan Kerohanian bertempat di Dewan Serbaguna Kompleks Bumiputera, Pekan Bangar, Temburong, petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau. Turut hadir, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar dan Pemangku Pengarah Penjara, Awang Bahrin bin Mohammad Yassin.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan laungan Takbir Hari Raya Aidiladha dan diteruskan dengan penyampaian Token

Penghargaan kepada penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung bagi mewakili penerima-penerima daripada kampung masing-masing, Rakan Seliaan serta ahli keluarga mereka.

Program ini diserikan dengan persembahan Pembacaan Qasidah dan Tazkirah Khas yang telah disampaikan oleh Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak.

Program ini antara lain bertujuan untuk meningkatkan kesedaran serta penghayatan nilai-nilai kerohanian melalui aktiviti yang berteraskan ibadah. Di samping itu, program ini juga dihasratkan untuk memperkukuhkan semangat kemasyarakatan, kebersamaan, perpaduan serta budaya saling bantu-membantu antara agensi kerajaan, sektor swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGOs) dan masyarakat setempat.

Selain itu, program ini turut menyokong proses pemulihan dan reintegrasi sosial bekas penghuni penjara melalui galakan penerimaan masyarakat serta pemberian peluang kepada mereka untuk kembali menyumbang secara positif kepada masyarakat.

Dalam masa yang sama, program ini juga melibatkan penyampaian sumbangan kepada golongan yang memerlukan di Daerah Temburong sebagai tanda keprihatinan dan tanggungjawab sosial terhadap kesejahteraan

masyarakat setempat.

Program ini juga diharapkan dapat mengukuhkan kerjasama strategik antara agensi kerajaan dan pihak-pihak berkepentingan dalam melaksanakan inisiatif yang memberi manfaat berterusan kepada masyarakat.

**YANG** Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau hadir selaku tetamu kehormat majlis. Turut hadir, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, dan Pemangku Pengarah Penjara (kanan). Manakala gambar bawah, antara para hadirin di majlis tersebut.



## HALUAN

>> Muka 2

Berdasarkan ini, konvensyen ini memfokuskan satu perubahan kritikal, daripada kesedaran kepada tindakan berdisiplin dalam cara kita menyokong setiap pelajar. Ia menyeru kita untuk bergerak melangkaui pengiktirafan rangkuman kepada bertindak ke atasnya dengan jelas, penyelarasan dan tujuan.

Apa yang dimaksudkan dengan ini bagi kita hari ini ialah setiap segmen konvensyen bukan sahaja bermaklumat, tetapi juga mempunyai tujuan. Perbualan tentang kepimpinan, saringan, tadbir urus dan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan merupakan penggerak kritikal yang menentukan sama ada pendidikan inklusif kekal sebagai aspirasi atau menjadi realiti di sekolah kita.

Saya menjemput awda untuk terlibat dalam perbincangan ini dengan merenungkan konteks awda sendiri, di manakah jurang antara apa yang kita tahu dan apa yang kita lakukan dan bagaimana kita boleh mula menutupnya? Soalan-soalan ini penting kerana pendidikan inklusif tidak ditakrifkan oleh rangka kerja yang kita lancarkan, tetapi oleh keputusan harian yang kita buat sebagai pemimpin untuk memastikan setiap pelajar dilihat, disokong dan dapat berkembang maju.

Selaras dengan komitmen ini, saya berbesar hati untuk melancarkan dua sumber utama hari ini, Rangka Kerja Penilaian Pembelajaran Brunei Darussalam dan Rubrik Buku Panduan untuk Kecekapan STEAM, Mengintegrasikan Kecekapan Global untuk Pelajar Bersedia Masa Depan. Ini mewakili langkah penting ke hadapan dalam memberikan kejelasan dan hala tuju yang lebih besar tentang bagaimana kita memahami, menilai dan menyokong pembelajaran pelajar. Lebih penting lagi, ia memperkukuh jenis pelajar yang kita cita-citakan untuk kembangkan; adaptif, berdaya tahan dan bersedia untuk masa depan, sambil mengingatkan kita bahawa nilai sebenar mereka bukan terletak pada dokumen itu sendiri, tetapi bagaimana ia dihidupkan di sekolah kita.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada jawatankuasa kerja Konvensyen Pemimpin Sekolah Ke-8 dan semua yang telah menyumbang dalam menganjurkan acara ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada para penceramah Utama, Panel dan Forum yang dijemput kerana berkongsi pandangan dan pengalaman mereka yang tidak ternilai.

Dengan kalimah *Bismillah Hirrahman Nirrahim* dan selawat serta salam ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, *Allahumma Salli 'Alaa Aali Sayyidinaa Muhammad, Wa'alaa Aali Sayyidinaa Muhammad*, saya dengan ini merasmikan Konvensyen Pemimpin Sekolah Ke-8 dan melancarkan secara rasmi Rangka Kerja Penilaian Pembelajaran Brunei Darussalam dan Rubrik Buku Panduan untuk Kompetensi STEAM, Mengintegrasikan Kompetensi Global untuk Pelajar Sedia Masa Depan.

*Wabillahi Taufiq Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

## Keputusan HECAS dikeluarkan 28 Mei

■ Siaran Akhbar : Jabatan Pengajian Tinggi

**BERAKAS**, Rabu, 27 Mei. - Pengumuman keputusan pengambilan melalui HECAS bagi kemasukan bulan Ogos 2026 bagi Sesi Akademik 2026/2027 bagi Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) iaitu Universiti Brunei Darussalam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Universiti Teknologi Brunei dan Politeknik Brunei dikeluarkan pada Khamis, 28 Mei 2026, jam 9 pagi.

Pemohon-pemohon bolehlah mengakses akaun HECAS

masing-masing untuk mengetahui status permohonan di laman sesawang HECAS iaitu <https://hecas.moe.gov.bn>.

Pemohon yang berjaya hendaklah menerima / menolak tawaran sebelum Selasa, 9 Jun 2026, jam 4 petang.

Bagi pemohon yang tidak berjaya tetapi memenuhi syarat kemasukan yang ditetapkan oleh IPTA dan berhasrat untuk membuat rayuan, tarikh akhir untuk menghadapkan Surat

Rayuan dan dokumen berkenaan ke IPTA pada Rabu, 3 Jun 2026 sebelum jam 4 petang.

Pemohon adalah disarankan untuk memohon ke program yang berlainan daripada permohonan awal.

Untuk sebarang pertanyaan, pemohon boleh berhubung terus dengan Pentadbiran HECAS melalui e-mel di [ask.hecas@moe.gov.bn](mailto:ask.hecas@moe.gov.bn) atau melalui nombor telefon +673 2381992/2381224 semasa waktu pejabat.

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa\* Doktor awda hari ini atau layari [www.ppkk.gov.bn](http://www.ppkk.gov.bn)

\*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

کمنترین کصیحتن  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
MINISTRY OF HEALTH

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Selamatkan Usus Awda

# MEMPERKUKUHKAN SEMANGAT KEBERSAMAAN, AMALAN BERKONGSI REZEKI



■ Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

**TANAH JAMBU**, Jumaat, 29 Mei. - Sebanyak dua ekor lembu dikorbankan dan dagingnya diagihkan kepada 33 orang penerima sempena Majlis Ibadah Korban Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Kampus Pusat IBTE yang berlangsung petang tadi di Dewan Serbaguna IBTE Kampus Nakhoda Ragam, Tanah Jambu, di sini.

Penerima agihan terdiri daripada

27 orang pelajar dan enam orang kakitangan Kampus Pusat IBTE, sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuhkan semangat kebersamaan dan amalan berkongsi rezeki dalam kalangan warga institusi berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pengarah Pendidikan Teknik merangkap Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Dr. Haji Mohd.



■ PENGARAH Pendidikan Teknik merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Ibadah Korban IBTE Kampus Pusat IBTE di Dewan Serbaguna IBTE Kampus Nakhoda Ragam, Tanah Jambu (atas dan atas kiri).

Zamri bin Haji Sabli.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan laungan takbir Hari Raya Aidiladha beramai-ramai yang menambahkan lagi suasana penuh kesyukuran dan penghayatan terhadap ibadah korban.

Acara diteruskan dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Ketua Sekolah

bagi Sekolah Perkhidmatan Teknologi Binaan, Awang Noorisman bin Meterais, selaku Pengerusi Bersama majlis.

Penganjuran Majlis Ibadah Korban ini bukan sahaja bertujuan menunaikan tuntutan syiar Islam, malah menjadi platform untuk menyemai nilai murni, memupuk budaya berkongsi rezeki serta mengeratkan hubungan

silaturahim antara pelajar dan kakitangan IBTE.

Majlis tersebut turut mencerminkan komitmen berterusan IBTE dalam menerapkan nilai-nilai keagamaan dan kemasyarakatan dalam kalangan warganya, sekali gus memperkukuhkan semangat kekitaan dan keharmonian dalam institusi.

## IN:Stall x YDC: Glow-up dilancarkan



■ Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 29 Mei. - Pusat Pembangunan Belia (PPB), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama Future Brands Group menganjurkan acara IN:Stall x YDC: Glow-up 2026, sebuah platform *pop-up* kecantikan, kesenian dan gaya hidup yang berlangsung selama lima hari bermula 27 hingga 31 Mei 2026 di Hab Belia dan Hab Sukan, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Acara yang berlangsung dari jam 12:00 tengah hari hingga 10:00 malam itu menentang tema 'Connecting Beauty & Artistry' dan bertujuan menghimpunkan penggiat industri kreatif di Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui pelbagai aktiviti interaktif bersama orang ramai.

Antara aktiviti yang diadakan termasuk sesi perkongsian bersama artis solekan (MUA), jualan *pop-up* melibatkan jenama kecantikan, kesihatan dan gaya

hidup tempatan serta antarabangsa, di samping bengkel berkaitan penciptaan kandungan digital, pemasaran dan penjenamaan dalam suasana komuniti yang kolaboratif.

Penganjuran acara tersebut turut membuka peluang kepada para peserta dan usahawan belia untuk mempamerkan produk serta perkhidmatan mereka, menguji permintaan pasaran, meningkatkan keterlihatan jenama, menjana jualan secara langsung melalui interaksi bersama pelanggan serta membina jaringan bersama penggiat industri dan sektor ekonomi kreatif.

Selain itu, pengunjung juga berpeluang menyertai pelbagai aktiviti menarik seperti 'Beauty Pop-up Market', 'Glow-up Zone', 'Beauty & Artistry Workshops/Classes', 'Photo & Content Hub' serta 'IN:Stall Brewtopia'.

Sehubungan itu, Majlis pelancaran rasmi IN:Stall x YDC:

MAJLIS pelancaran rasmi IN:Stall x YDC: Glow-up 2026 telah disempurnakan oleh Presiden Young Entrepreneurs Association Brunei, Dayang Goh Chai Li.

Glow-up 2026 telah disempurnakan petang tadi oleh Presiden Young Entrepreneurs Association Brunei (YEAB), Dayang Goh Chai Li.

Sebanyak 80 vendor tempatan terdiri daripada jenama baharu berasaskan rumah (*home-based*), Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSME) serta syarikat komersial mengambil bahagian dalam acara tersebut dengan menentang pelbagai produk dan idea inovatif.

Antara kategori jualan yang ditawarkan termasuk makanan dan minuman, produk seni kreatif, aksesori, pakaian serta pelbagai produk gaya hidup.

Inisiatif tersebut diharap dapat membantu mempromosikan jenama tempatan di samping membuka peluang kolaborasi antara komuniti kreatif, industri dan usahawan belia di negara ini.

Acara berkenaan juga diwujudkan sebagai platform bagi memperkasa bakat tempatan dengan menyediakan ruang kepada penggiat kreatif dalam kalangan usahawan belia untuk mengembangkan potensi sektor ekonomi kreatif di NBD.

Dengan sokongan pelbagai rakan kolaborasi serta sambutan positif daripada orang ramai, penganjuran acara *pop-up* secara berterusan itu diharap dapat menjadi pemangkin dalam memperkukuh ekosistem keusahawanan belia yang kondusif dan berdaya saing.

Melalui sokongan para pengunjung, platform keusahawanan belia yang dianjurkan oleh KKBS melalui PPB akan terus memainkan peranan sebagai inisiatif strategik dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan usahawan belia di NBD.

## Monsun Barat Daya bermula, dijangka hingga September

■ Siaran Akhbar : Jabatan Kajiucua Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 29 Mei. - Negara Brunei Darussalam (NBD) telah memasuki Monsun Barat Daya yang dijangka akan berterusan hingga bulan September. Semasa Monsun Barat Daya, keadaan atmosfera di negara kita pada kebiasaannya menjadi lebih stabil dengan kejadian ribut petir berkurangan berbanding semasa tempoh peralihan monsun.

Semasa kemuncak musim ini iaitu sekitar bulan Ogos, negara kita kebiasaannya akan mengalami keadaan berjerebu disebabkan oleh cuaca kering di rantau Asia Tenggara. Monsun Barat Daya juga dikaitkan dengan musim pembentukan sistem ribut tropika dan taufan yang aktif di kawasan Barat Laut Lautan Pasifik dan Laut China Selatan.

Walaupun sistem-sistem ini biasanya terbentuk jauh dari kawasan negara kita, jarak serta tahap intensitinya masih berpotensi mempengaruhi keadaan cuaca tempatan.

Kesan pengaruh sistem ribut tropika atau taufan yang berada berhampiran rantau kita boleh menyebabkan pembentukan garisan badai (*squall line*) iaitu barisan ribut petir yang bergerak pantas dalam formasi panjang. Kejadian ini boleh membawa cuaca tidak menentu, termasuk kejadian angin kencang berserta ribut petir sekali-sekala.

Menurut rekod klimatologi, jumlah normal turunan hujan yang direkodkan di Stesen Pencerapan Cuaca, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi bulan Jun, Julai dan Ogos masing-masing adalah sebanyak 237.7mm, 241.8mm dan 231.5mm.

Berdasarkan tinjauan model iklim daripada pusat ramalan antarabangsa, pengaruh atmosfera berskala besar, iaitu El Niño-Southern Oscillation (ENSO), dijangka akan mempengaruhi corak cuaca serantau bagi tempoh Jun hingga Ogos 2026.

Status ENSO diramalkan berada dalam fasa El Niño dengan kebarangkalian sebanyak sekitar 92 peratus semasa tempoh tersebut. Kesan El Niño terhadap negara kita pada lazimnya ialah aktiviti turunan hujan yang berkurangan dengan peningkatan suhu udara dan kelembapan relatif yang rendah.

Sehubungan itu, ramalan jangka panjang turunan hujan bagi NBD untuk tempoh Jun hingga Ogos 2026 adalah seperti berikut iaitu pada Jun dan Julai 2026 ramalan tinjauan bermusim adalah sedikit bawah normal dengan anggaran jumlah turunan hujan sebanyak 140-190mm. Sementara, Ogos 2026 pula berada di bawah normal dengan anggaran sebanyak 140mm.

Jabatan Kajiucua Brunei Darussalam akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu. Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi bimbit jabatan iaitu Brunei WX.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperoleh dengan menghubungkan peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114 atau melayari laman sesawang [www.met.gov.bn](http://www.met.gov.bn) atau melalui laman Facebook @bruneweather, Instagram @brunei.weather dan saluran Telegram serta WhatsApp, Brunei Weather.

# PPNBD ANJUR MAJLIS IBADAH KORBAN

Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan



**GADONG**, Jumaat, 29 Mei. - Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) petang tadi telah mengadakan Majlis Ibadah Korban bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di Balai Ibadat, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Ketua Pesuruhjaya Pengakap PPNBD, Skip Haji

Junaidi bin Haji Hussin.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan disusuli dengan laungan takbir sebelum diteruskan dengan penyerahan daging ibadah korban kepada para penerima yang telah disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis kemudiannya diteruskan lagi dengan bacaan Doa Selamat sebagai tanda kesyukuran atas



**KETUA** Pesuruhjaya Pengakap PPNBD, Skip Haji Junaidi bin Haji Hussin hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya mengagihkan daging ibadah korban kepada para penerima (atas dan atas kiri).

kelancaran majlis berkenaan sebelum diikuti dengan bergambar ramai dan menikmati jamuan.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Yang Dipertua PPNBD, ACP Murad bin Abdul

Hadi; Timbalan Yang Dipertua PPNBD, Pengiran Dr. Haji Mohamed bin Pengiran Haji Damit, para Pesuruhjaya Negeri, Pesuruhjaya Daerah, pemimpin-pemimpin pengakap serta ahli-ahli pengakap.

Majlis ini diadakan bagi menyemarakkan lagi syiar Islam di samping memupuk nilai kebersamaan, keprihatinan dan semangat bermasyarakat dalam kalangan warga pengakap di Negara Brunei Darussalam.

## Pupuk minat, penglibatan murid dalam bidang sains

Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Rendah Dato Mohd. Yassin

**MENTIRI**, Jumaat, 29 Mei. - Sekolah Rendah Dato Mohd. Yassin baru-baru ini telah berjaya menutup program 'Science Month: Celebrate Curiosity 2026' anjuran Jabatan Sains sekolah berkenaan, yang telah bermula pada 2 hingga 27 Mei 2026. Program tersebut bertujuan untuk meningkatkan minat dan penglibatan murid dalam bidang sains melalui pengalaman pembelajaran yang bermakna, aktiviti amali, pertandingan serta kolaborasi yang melangkaui pembelajaran di bilik darjah.

Inisiatif ini melibatkan murid Prasekolah, Special Education

Needs Assistant (SENA), serta Tahun 1 hingga Tahun 6, di samping penyertaan guru dan staf sokongan. Majlis pembukaan telah dirasmikan oleh Guru Besar sekolah, Dayang Jusita binti Haji Abdul Rahman, dan diserikan dengan pelbagai aktiviti menarik seperti demonstrasi sains 'Fire Bubbles', 'Balloon Pop Quiz Challenge', serta pelancaran pertandingan poster dan infografik.

Sepanjang bulan tersebut, pelbagai aktiviti pendidikan dan interaktif telah dijalankan termasuk 'Balloon Pop Quiz Challenge' mingguan, eksperimen sains berasaskan permainan untuk murid

tahap awal, program *outreach* berkaitan kelestarian alam sekitar, pertandingan kreatif, serta persembahan pentas. Antara pengisian utama program ialah kerjasama bersama organisasi luar seperti STEP Centre dan Villaju.bn, di mana murid-murid mengikuti ceramah berkaitan Green School Initiatives dan kesedaran kitar semula.

Sesi tersebut berjaya memberi inspirasi kepada murid untuk lebih bertanggungjawab terhadap alam sekitar dan mengamalkan gaya hidup lestari. Majlis penutup pula menentang kreativiti dan semangat murid melalui Creative Costume Showcase yang melibatkan 90 murid dan 30 orang guru, persembahan bertemakan sains bertajuk 'Photosynthesis: The Secret Recipe of Life' oleh murid Tahun 6, serta demonstrasi robotik 'Stick 'Em' yang dipersembahkan oleh Awang Harissman Asyady bin Haji Ali. Selain itu, Program Derma Botol Plastik berjaya

mengumpulkan sebanyak 2,885 botol plastik, sekali gus mencerminkan sokongan padu warga sekolah terhadap usaha pemeliharaan alam sekitar. Science Month 2026 berjaya memperkukuhkan sifat ingin tahu, kreativiti, kerja berpasukan, pemikiran kritis, dan kemahiran komunikasi murid selaras dengan kerangka kompetensi global Kementerian Pendidikan.

Program ini juga berjaya mengeratkan kerjasama antara pihak sekolah, ibu bapa, dan organisasi luar. Ketua Jabatan Sains, Dayang Marnie Farizan binti Ahmad, turut merakamkan penghargaan kepada semua guru, murid, ibu bapa, dan organisasi

yang terlibat atas sokongan dan komitmen berterusan dalam menjayakan Science Month 2026. Pihak sekolah berharap program seumpama ini akan terus

dilaksanakan pada masa akan datang bagi memupuk minat mendalam terhadap sains dan inovasi dalam kalangan generasi muda.



## Laungan takbir rumah ke rumah semarakkan Aidiladha

Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Perundingan Kampung Berserumpun Kawasan 4 RPN Panchor

**MENTIRI**, Khamis, 28 Mei. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Berserumpun Kawasan 4, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Panchor, Mukim Mentiri buat julung kalinya telah mengadakan acara Takbir Raya Rumah ke Rumah yang disertai oleh Ahli-ahli MPK serta penduduk kampung.

Acara tersebut bermula di kediaman Ketua Kampung Kawasan 4 sebelum rombongan meneruskan takbir ke rumah-rumah Ahli MPK Berserumpun dengan keseluruhan sebanyak tujuh buah rumah telah dikunjungi. Rombongan takbir diketuai oleh Ketua Kampung Kawasan 4, Awang Faidil Rosemady bin Mohamad juga selaku Pengerusi Majlis.

Penganjuran acara tersebut diadakan sebagai usaha mengimarhkan Sambutan Hari Raya Aidiladha di samping mengeratkan lagi hubungan silaturahim, memupuk semangat perpaduan serta memperkukuhkan kerjasama dalam kalangan penduduk kampung dan Ahli-ahli MPK Berserumpun Kawasan 4.

Suasana penuh harmoni dan muhibah jelas dirasai sepanjang acara berlangsung dengan laungan takbir bergema dari rumah ke rumah, sekali gus menyemarakkan lagi syiar Islam dan semangat kebersamaan dalam komuniti setempat. Dengan Tema '3B : Berserumpun, Bersepakat Membawa Berkat'.



**SUASANA** penuh harmoni dan muhibah jelas dirasai sepanjang acara berlangsung dengan laungan takbir bergema dari rumah ke rumah, sekali gus menyemarakkan lagi syiar Islam dan semangat kebersamaan dalam komuniti setempat.

**MAJLIS** penutup 'Science Month: Celebrate Curiosity 2026' anjuran Jabatan Sains Sekolah Rendah Dato Mohd. Yassin telah diadakan baru-baru ini, menentang kreativiti dan semangat murid melalui Creative Costume Showcase, persembahan bertemakan sains, serta demonstrasi robotik (atas kiri dan kiri).

# MEMPERKUKUH PENGHAYATAN NILAI KEKELUARGAAN WARGA SEKOLAH, MASYARAKAT

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pengajian Islam



**BERAKAS**, Rabu, 27 Mei. - Negara Brunei Darussalam (NBD) setiap tahun menyambut Hari Keluarga Kebangsaan pada Ahad minggu pertama Mei sebagai usaha mengiktiraf institusi keluarga sebagai tunjang utama dalam pembentukan masyarakat yang harmoni dan sejahtera.

Sambutan bagi tahun ini membawa tema 'Keluargaku, Harapanku' yang menekankan kepentingan memperkukuh

hubungan kekeluargaan, memupuk kasih sayang serta melahirkan generasi yang berakhlak mulia, berdaya tahan dan mempunyai kesejahteraan mental, emosi dan sosial.

Sehubungan itu, bagi menyemarakkan lagi sambutan berkenaan, Program Keagamaan Senegara (PKS) bagi sekolah-sekolah Arab dan agama diadakan secara serentak di seluruh negara pada hari ini

dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) sebagai salah satu inisiatif dalam memperkukuh penghayatan nilai kekeluargaan dalam kalangan warga sekolah dan masyarakat.

Program diadakan pada sebelah petang secara bersemuka di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah, Serusop dan turut dilaksanakan secara maya dengan penyertaan sekolah-sekolah Arab dan agama di seluruh negara.

Hadir selaku tetamu khas majlis, Dayang Siti Zaharah binti Haji Abdul Razak, selaku wakil Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat.

Atur cara PKS dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diikuti bacaan Doa Hari Keluarga serta sesi perkongsian ilmu bertajuk 'Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan Bagi Tahun 2026' yang disampaikan oleh Pegawai Pembangunan Masyarakat, Bahagian Keluarga, Wanita dan Kanak-kanak, JAPEM, KKBS, Dayang Siti Alifah binti Awang Osman. Acara turut diserikan dengan persembahan para



**DAYANG** Siti Zaharah binti Haji Abdul Razak, selaku wakil Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat hadir selaku tetamu khas majlis (atas), manakala gambar kiri, antara pelajar yang hadir pada program berkenaan.

pemenang Pertandingan Kalam Jama'ie bagi Kategori Sekolah Arab dan Kategori Sekolah Ugama serta tayangan video kreatif sebelum diteruskan dengan penyampaian hadiah dan sijil kepada para pemenang.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam. PKS

merupakan antara wadah dan usaha berterusan Jabatan Pengajian Islam dalam mengongsikan ilmu, menerapkan nilai-nilai murni, membentuk sahsiah dan jati diri kebruneian serta memperkukuh penghayatan hidup beragama dalam kalangan pelajar sekolah-sekolah Arab dan agama di seluruh negara.

## Zahir rasa syukur menerima daging ibadah korban

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 28 Mei. - Pengagihan daging ibadah korban sempena Majlis Ibadah Korban Sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta



**DAYANG** Mashitah Rahiman.

kerabat baginda, pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidiladha bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi telah membawa kegembiraan dan rasa syukur dalam kalangan para penerima di negara ini.

Salah seorang penerima, iaitu Dayang Nurul Mashitah binti Rahiman berkata, pengagihan daging korban berkenaan mencerminkan keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Nurul binti

Darussalam terhadap kebajikan rakyat dan penduduk di negara ini.

"Alhamdulillah, saya amat bersyukur kerana berpeluang diundang ke Istana Nurul Iman untuk menerima daging ibadah korban kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun ini.

"Saya ingin menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas pengurniaan ini," katanya ketika ditemui di Istana Nurul Iman.

Beliau turut mendoakan agar Kebawah DYMM sentiasa dikurniakan kesihatan yang baik serta keberkatan dalam memimpin Negara Brunei Darussalam dan rakyat jelata.

Sementara itu, seorang lagi penerima, iaitu Awang Mohammad Azim@Fitri bin Noor, turut menzahirkan rasa syukur kerana diberikan peluang untuk sama-sama meraikan sambutan Hari Raya Aidiladha bersama Kebawah DYMM serta Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan kerabat baginda, dan seterusnya menerima pengagihan daging ibadah korban berkenaan.



**AWANG** Mohammad Azim@Fitri bin Noor.

"Saya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah DYMM atas pengurniaan daging ibadah korban ini serta mendoakan agar baginda serta kerabat diraja yang lain sentiasa dikurniakan kesihatan yang baik, dilanjutkan usia dan sentiasa dalam lindungan serta keberkatan Allah Subhanahu Wata'ala," ujarnya.

جابتن فرانتڠن ايكونومي دان ستاتيسټيڪ  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
JABATAN HAL E-IBAL PENGGUNA  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

### NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"boleh percaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

**Jadi pengguna yang bertanggungjawab**

- ✓ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ✓ Dapatkan resit rasmi.
- ✓ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ✓ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

# MINDA PEMBACA

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. 'Kesedaran Awam terhadap Bahaya Buli'. Tarikh Tutup : 3 Jun 2026
2. 'Amalan Membaca, Kunci Kejayaan'. Tarikh Tutup : 10 Jun 2026
3. 'Makanan Segera dan Risiko Terhadap Kesihatan'. Tarikh Tutup : 17 Jun 2026

**TERMA DAN SYARAT :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :  
[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

**Menangi BND75**  
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



**BERTAKWALAH** kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Keamanan dan kesejahteraan negara adalah nikmat besar yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada sesebuah bangsa. Tanpa keamanan, kehidupan akan menjadi huru-hara dan urusan harian terganggu. Oleh itu, nikmat ini wajib disyukuri dan dipelihara supaya negara terus aman, rakyat hidup sejahtera dan tanah air kekal makmur.

Begitu juga kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara bergantung pada sifat takwa dan amanah dalam diri setiap individu. Nilai-nilai ini menjadi asas kekuatan bangsa serta bentang kukuh dalam mempertahankan keamanan dan kedaulatan negara.

Bagi mereka yang memikul tanggungjawab mempertahankan tanah air, tugas tersebut bukan sekadar pekerjaan tetapi satu amanah yang besar dan mulia. Ia menuntut pengorbanan jiwa dan raga demi memastikan negara terus aman, berdaulat, dirahmati di persada dunia serta kekal sejahtera dan selamat untuk generasi masa kini dan akan datang.

Dalam konteks negara kita, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) memikul

## Ketakwaan teras kekuatan pertahanan negara

amanah yang amat besar dalam mempertahankan kedaulatan negara, melindungi rakyat serta memastikan keamanan sentiasa terpelihara. Tugas ini bukan sekadar tanggungjawab profesional, bahkan merupakan satu ibadah yang tinggi nilainya di sisi Allah Subhanahu Wata'ala apabila dilaksanakan dengan penuh keikhlasan.

ABDB berpegang teguh kepada nilai-nilai teras iaitu takwa, setia, berani dan profesional. Namun demikian, nilai takwa merupakan tunjang utama yang menghidupkan serta memandu keseluruhan nilai tersebut, sekali gus menjadi kekuatan dalaman yang membentuk jati diri setiap anggota.

Sesungguhnya takwa melahirkan anggota yang berdisiplin tinggi, jujur dalam melaksanakan amanah, bersih daripada sebarang penyelewengan serta teguh memelihara integriti diri dan pasukan. Inilah asas kekuatan sebenar yang memastikan pasukan sentiasa tegak berdiri mempertahankan kedaulatan negara.

Anggota yang bertakwa menyedari bahawa setiap tugas adalah ibadah, setiap amanah pasti akan dipersoalkan dan setiap pengorbanan tidak akan sia-sia, bahkan akan mendapat ganjaran di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Dengan kesedaran ini, mereka berkhidmat bukan sahaja demi negara tetapi juga demi meraih keredhaan Ilahi, menjadikan perjuangan mereka lebih bermakna dan diberkati.

Islam telah mengajarkan bahawa kekuatan ketenteraan tidak hanya bergantung pada kelengkapan senjata, teknologi atau strategi semata-mata. Bahkan kekuatan sebenar terletak pada ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala, keteguhan jiwa, zikir yang berterusan, ketepatan yang tidak berbelah bahagi dan kesabaran dalam menghadapi segala ujian.

Inilah asas kekuatan yang membawa kepada kemenangan yang diberkati kerana sesungguhnya kemenangan dalam Islam bukan hanya diukur dengan kejayaan di medan perang tetapi dengan sejauh mana ketaatan dan pergantungan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dalam setiap keadaan. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Anfal, ayat 45 :

**Tafsirnya :** "Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu berperang dengan pasukan (musuh) maka hendaklah kamu tetap teguh menghadapinya dan ingatlah Allah banyak-banyak supaya kamu beroleh kemenangan".

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah membentuk para sahabat Radiallahuanhum sebagai generasi pejuang yang luar biasa, bukan sahaja gagah di medan perjuangan, bahkan luhur akhlakunya. Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam telah menanamkan disiplin yang tinggi, ketaatan kepada pimpinan serta melarang keras sebarang bentuk kezaliman, pengkhianatan dan melampaui batas. Mereka berjuang bukan kerana kemasyhuran atau kepentingan dunia tetapi atas dasar iman dan amanah untuk meninggikan agama Allah Subhanahu Wata'ala.

Mari kita perhatikan peristiwa Peperangan Khandaq, ketika umat Islam berdepan ancaman besar yang menggugat keselamatan Madinah. Dalam keadaan yang amat mencabar itu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri turun padang bersama para sahabat Radiallahuanhum menggali parit, menahan lapar, keletihan dan kepayahan. Ini menunjukkan bahawa kepimpinan dalam Islam bukan hanya memberi arahan tetapi turut memikul beban dan merasai kesusahan bersama anggota.

Namun, kekuatan mereka bukan pada sekadar strategi pertahanan yang bijaksana, bahkan pada kekuatan rohani dengan memperbanyakkan doa, zikir dan tawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Hati mereka bersatu, langkah mereka seiring dan kesabaran mereka teguh tidak berbelah bahagi. Maka dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, pertolongan pun datang membuktikan bahawa apabila iman dan usaha bersatu, kemenangan akan berpihak kepada orang yang bertakwa.

Begitu juga kisah Huzaifah bin Al-Yaman Radiallahuanhu, yang diamanahkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam untuk menyusuk masuk ke dalam barisan musuh bagi mendapatkan maklumat. Dalam suasana malam yang gelap, angin yang kencang serta ancaman yang sangat berbahaya, beliau melaksanakan tugas tersebut dengan penuh ketaatan, amanah dan disiplin yang tinggi. Walaupun mempunyai peluang untuk bertindak di luar arahan, beliau tetap berpegang teguh kepada perintah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tanpa melampaui batas. Ini menunjukkan bahawa kekuatan seorang tentera bukan hanya terletak pada keberanian tetapi juga pada kepatuhan, kawalan diri dan kesetiaan kepada arahan.

Semua peristiwa ini menegaskan bahawa kekuatan sebenar dalam

ketenteraan menurut Islam bukan sekadar terletak pada kekuatan fizikal atau kelengkapan material tetapi pada gabungan iman yang kukuh, akhlak yang mulia, disiplin yang tinggi serta ketaatan yang tidak berbelah bahagi. Inilah gambaran tentera beriman yang wajar kita teladani iaitu kuat jasmaninya, teguh rohaninya, bersih akhlakunya dan lurus niatnya semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala. Dengan kekuatan inilah, mereka bukan sahaja mampu mempertahankan negara, malah mengangkat maruah bangsa dan agama ke tahap yang lebih tinggi.

Jika ingin memastikan keamanan terus terpelihara dan negara sentiasa diberkati, maka setiap daripada kita perlu memainkan peranan dalam menunaikan amanah ini. Amanah menjaga keamanan bukan hanya terletak di bahu anggota keselamatan semata-mata, bahkan merupakan tanggungjawab bersama seluruh rakyat dan penduduk negara ini.

Kita hendaklah mematuhi undang-undang, memelihara perpaduan, saling menghormati serta menjauhi segala perbuatan yang boleh menggugat kestabilan negara. Semua ini merupakan manifestasi ketakwaan dalam kehidupan seharian, yang membuktikan bahawa keamanan yang berkekalan lahir daripada iman yang teguh dan akhlak yang mulia.

Marilah kita semua khususnya para anggota keselamatan, terus berkhidmat dengan penuh dedikasi, keikhlasan dan disiplin yang tinggi. Perbaharuilah niat dalam setiap tugas agar segala usaha kita menjadi ibadah yang diterima di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Akhirnya, marilah kita bersama-sama berdoa agar Allah Subhanahu Wata'ala memberkati setiap usaha kita, mengurniakan keamanan yang berpanjangan kepada negara serta menjadikan kita hamba-Nya yang bertakwa, amanah dan sentiasa bersedia mempertahankan kedaulatan negara dengan penuh keikhlasan dan semangat cintakan tanah air. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

**Tafsirnya :** "Wahai orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu (menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara-perkara kebajikan, kuatkanlah kesabaran kamu (dalam menghadapi orang-orang kafir) dan bersiap sedia (dengan kekuatan pertahanan di sempadan negeri kamu) serta bertakwalah kepada Allah supaya kamu berjaya (mencapai kemenangan)". (Surah Ali-Imran, ayat 200)

## Senarai premis makanan diberikan Sijil Halal, permit

■ Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 27 Mei. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syari'ah sukacita memaklumkan kepada orang ramai bahawa bagi April 2026, beberapa premis makanan di negara ini telah diluluskan dan diberikan Sijil Halal dan/atau Permit oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), sama ada bagi Permohonan Baharu atau Permohonan Membaharu.

Permohonan Baharu Sijil Halal dan Permit yang diluluskan adalah seperti berikut, iaitu Sijil Halal sebanyak 22 permohonan, manakala Permohonan Permit sebanyak dua permohonan.

Sementara Permohonan Membaharu Sijil Halal dan Permit yang diluluskan adalah seperti berikut, iaitu Sijil Halal sebanyak 33 permohonan, manakala Permohonan Permit sebanyak 11 permohonan.

Berikut adalah senarai premis makanan yang telah diluluskan

dan diberikan Sijil Halal dan/atau Permit oleh MUIB, sama ada bagi Permohonan Baharu atau Permohonan Membaharu.

Senarai premis bagi Permohonan Baharu Sijil Halal ialah Wok Inn Restaurant; Usahaneka Iramaya Sdn. Bhd. (Cawangan Tutong); Tea Grab Company (Wedrink), Cawangan Setia; Syarikat Maya Sewaris; SPHI Foods (Satay Haji Ibrahim), Cawangan Sungai Hanching; SPHI Foods (Satay Haji Ibrahim), Cawangan Setia; SPHI Foods (Satay Haji Ibrahim), Cawangan Rimba Point; SPHI Foods (Satay Haji Ibrahim), Cawangan Plaza Athirah; SPHI Foods (Satay Haji Ibrahim), Cawangan Kapok; Siam Lotus Restaurant (Fka: Pattani Xpress Cafe); Restaurant Al-Lanzhou Beef Noodle; Reform Coffee; Red Canopy Cafe (Cheezbox), Cawangan Setia Point; Hua Ho Department Store, Cawangan Batu Bersurat; Golden Bowling Company; Rose Emma Food Corner, Cawangan Kiarong; 375

Fried Lab Café; Blue Restaurant and Grill, Cawangan Setia; Escapade Restaurant, Cawangan Batu Bersurat; J&S Original Buko Pie; Meet U All Sdn. Bhd. (Salted Cafe); dan URBN Kitchen (Learning Tree School) (Kantin).

Manakala premis bagi Permohonan Baharu Permit ialah Bakerlyn Cake House; dan J and S Original Buko Pie.

Sementara premis bagi Permohonan Membaharu Sijil Halal ialah Velunu Restaurant and Cafe (Fka: Velunu Café; Delicious Jo Food (Auntie Anne's), Cawangan Mid Valley Salambigar; MR BBQ and Grill (Hansu Food and Beverages), Cawangan Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkihah (YSHHB); Tea Express (Tealive), Cawangan Batu Satu; Tea Express (Tealive), Cawangan Jerudong; Tea Express (Tealive), Cawangan Mid Valley; Tea Express (Tealive), Cawangan OneCity Shopping Centre; Chop Mei Fang; Cafe Melur; All Seasons Dim Sum, Cawangan Mumong, Kuala Belait (KB); Ayamku Restaurant, Cawangan

KB; Ayamku Restaurant, Cawangan Setia; Ayamku Restaurant, Cawangan Sungai Liang; Cerialink Enterprise; Kaiz Cuisine (Sushi Tei), Cawangan KB; Rahmaniayah Sdn. Bhd.; Sri Mulia Utama Restaurant and Catering (Seafood Palace); Hua Ho Department Store, Cawangan OneCity Shopping Centre Funland Branch; Han's Coffee Shop; Delicious Jo Food (Auntie Anne's), Cawangan Jerudong; Singa Chicken Rice Sdn. Bhd.; Cawangan Hua Ho, The Mall Tanjung Bunut; Syarikat Diana Berudin, Cawangan Tanah Jambu; Thien Thien Restaurant, Cawangan Batu Satu; The Eateries (101 Cafe), Cawangan Gadong; Kopi Tiam 77 Restaurant, Cawangan Menglait; Kaizen Sushi Restaurant, Cawangan Kiarong; Kaizen Sushi Restaurant, Cawangan YSHHB; Serikandi Cafe and Restaurant, Cawangan LLRC, Lumut; The Lanes Hotel; Kathy Kristina Restaurant; Perusahaan Nurzanah Hamdi dan Bersaudara; Arsahrin Café dan KFC (B) Sdn. Bhd., Cawangan Sungai Hanching,

Jalan Muara.

Manakala premis bagi Permohonan Membaharu Permit ialah Rahyaa Rozi Bakery Sdn. Bhd.; Soon Lee Megamart; M.N. Mega Nouvelle Bakery and Restaurant; Lee and Da Trading Company; Sabli Food Industries (B) Sdn. Bhd.; Cawangan Tutong; IBIC Sendirian Berhad; Kingston Beverage and Creamery Sdn. Bhd.; Cawangan Lot 3-6; Kingston Beverage and Creamery Sdn. Bhd.; Cawangan Plot 69b; Noorbismi Trading and Company Sdn. Bhd.; Bread Stream Sdn. Bhd.; dan Gelatiamo.

Bagi senarai lengkap premis makanan di seluruh negara yang telah diberikan Sijil Halal atau Permit MUIB, orang ramai bolehlah melayari laman sesawang rasmi KHEU [www.mora.gov.bn](http://www.mora.gov.bn) atau Instagram Bahagian Kawalan Makanan Halal [@halal.bn](https://www.instagram.com/halal.bn) dari semasa ke semasa.

Sebarang pertanyaan sila hubungi talian melalui WhatsApp +673 7103111 atau e-mel kepada [Bkmh@mora.gov.bn](mailto:Bkmh@mora.gov.bn).

## KHUTBAH RAYA AIDILADHA PERTAMA

*Pengajaran Di Sebalik Ibadah Haji  
10 Zulhijjah 1447H / 28 Mei 2026M*



Sila Imbas Untuk Khutbah Lengkap

**IA MENUNTUT PERSEDIAAN YANG MENCUKUPI DAN KESUNGGUHAN YANG TINGGI. ANTARANYA:**

- Kemampuan harta
- Menyediakan perbelanjaan bagi dirinya sepanjang menunaikan haji
- Memastikan orang-orang yang berada di bawah tanggungannya tetap terpelihara kebajikan mereka sepanjang peninggalannya
- Kesihatan tubuh badan
- Mengetahui cara pelaksanaan manasik haji dengan betul
- Mengambil berat tentang keselamatan dan kesejahteraan diri sama ada dari segi nyawa mahupun harta benda

**UMAT ISLAM PADA HARI INI TELAH DIKURNIAKAN OLEH ALLAH SWT  
DUA NIKMAT YANG BESAR, IAITU:**

### PERTAMA

Sebahagian umat Islam dikurniakan peluang menjadi Dhuyufur Rahman iaitu Tetamu Allah SWT di Tanah Suci untuk menunaikan ibadah haji.

### KEDUA

**Bagi kita yang tidak menunaikan ibadah haji**

Kita masih berpeluang menikmati serta menghayati syiar Aidiladha yang agung dan penuh makna dalam suasana yang selesa, aman damai dan sejahtera serta sentiasa berada di bawah perlindungan Allah SWT.

## KHUTBAH HARI RAYA AIDILADHA KEDUA

*Pengajaran Di Sebalik Ketaatan Nabi Ismail AS  
10 Zulhijjah 1447H / 28 Mei 2026M*



Sila Imbas Untuk Khutbah Lengkap

**KISAH KETAATAN NABI ISMAIL AS KEPADA  
AYAHANDANYA NABI IBRAHIM**

*Menunjukkan bahawa akhlak mulia lahir daripada didikan yang penuh kasih sayang dan sempurna*

- Mereka akan membesar sebagai insan yang beriman berakhlak dan berbakti.
- Dari situlah lahirnya anak-anak yang bukan sahaja membahagiakan ibu bapa, malah berjaya di dunia dan beroleh kebahagiaan di akhirat.

*Oleh itu, menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk mendidik anak-anak dengan ilmu tauhid dan akhlak yang mulia. Bimbinglah mereka dengan penuh kasih sayang, tegurlah dengan hikmah apabila mereka tersalah langkah dan didiklah mereka agar taat kepada perintah Allah SWT serta menjauhi larangan-Nya.*



Sila Imbas Untuk  
Khutbah Lengkap



# KETAQWAAN TERAS KEKUATAN PERTAHANAN NEGARA

KHUTBAH JUMAAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM PADA 11 ZULHIJAH 1447H / 29 MEI 2026M



## ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

- Memikul amanah yang amat besar dalam mempertahankan kedaulatan negara, melindungi rakyat serta memastikan keamanan sentiasa terpelihara.
- Nilai-nilai teras iaitu taqwa, setia, berani dan profesional.

## MAKSUD NILAI TAQWA

Merupakan tunjang utama yang menghidupkan serta memandu keseluruhan nilai tersebut, sekali gus menjadi kekuatan dalaman yang membentuk jati diri setiap anggota.



Islam telah mengajarkan bahawa kekuatan ketenteraan tidak hanya bergantung kepada kelengkapan senjata, teknologi atau strategi semata-mata. Bahkan kekuatan sebenar terletak pada ketaqwaan kepada Allah SWT, keteguhan jiwa, zikir yang berterusan, ketaatan yang tidak berbelah bahagi, kesatuan saf serta kesabaran dalam menghadapi segala ujian.

BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN, JABATAN HAL EHWAL MASJID,  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



# Khutbah Hari Raya Aidiladha Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi

## Khutbah Pertama

## PENGAJARAN DI SEBALIK IBADAH HAJI

**Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar**  
**LHAMDULILLAH**, marilah kita sama-sama memperbanyakkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat, taufik dan hidayah nikmat-Nya yang berterusan, kita masih diberi umur, kesihatan dan kesempatan untuk berada pada pagi Aidiladha yang mulia ini. Sesungguhnya segala nikmat yang kita kecapi adalah anugerah Allah Subhanahu Wata'ala yang wajib disyukuri. Syukur itu bukan hanya dengan ucapan, bahkan hendaklah dibuktikan dengan ketaatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Dengan melaksanakan segala perintah-Nya, menjauhi segala larangan-Nya, memperkukuhkan ibadah, memperbaiki akhlak serta menunaikan amanah dalam kehidupan.

Pada hari yang agung ini, umat Islam disunatkan memperbanyakkan takbir, tahmid dan tahlil sebagai tanda membesarkan Allah Subhanahu Wata'ala. Laungan takbir bukan sekadar ucapan lidah tetapi mengakui di hati bahawa Allah Subhanahu Wata'ala Maha Besar daripada segala-galanya, lebih besar daripada kepentingan diri dan lebih besar daripada segala urusan dunia yang melalaikan. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Haj, ayat 37 :

**Tafsirnya** : "Daging dan darah binatang korban itu sekal-kali tidak akan sampai kepada Allah tetapi yang sampai kepada-Nya ialah ketakwaan kamu. Demikianlah Dia memudahkannya untuk kamu supaya kamu membesarkan Allah atas hidayah-Nya kepada kamu dan sampaikanlah khabar gembira kepada orang-orang yang berbuat kebaikan".

**Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar**  
 Pada hari ini, umat Islam telah dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dua nikmat yang besar, iaitu :

**Pertama** : Sebahagian umat Islam dikurniakan peluang menjadi *duyufurrahman* iaitu tetamu Allah Subhanahu Wata'ala di Tanah Suci untuk menunaikan ibadah haji.

**Kedua** : Bagi kita yang tidak menunaikan ibadah haji pula, kita masih berpeluang menikmati serta menghayati syiar Aidiladha yang agung dan penuh makna dalam suasana yang selesa, aman, damai dan sejahtera serta sentiasa berada di bawah perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Seiring dengan ketibaan Aidiladha ini, umat Islam yang sedang mengerjakan ibadah haji di Makkah sibuk melaksanakan manasik haji, sama ada melontar Jamratul Aqabah di Madinah, melakukan tawaf dan sai atau menunaikan ibadah-ibadah lain.

## Pengajaran di sebalik ketaatan Nabi Ismail Alaihissalam

**Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar**  
**SESUNGGUHNYA** ibadah korban merupakan salah satu syariat Nabi Ibrahim Alaihissalam, yang diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala melalui mimpi agar Baginda mengorbankan puteranya yang tercinta, Nabi Ismail Alaihissalam. Kisah kesabaran dan ketaatan Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail Alaihissalam dalam melaksanakan perintah Allah Subhanahu Wata'ala amat mengagumkan dan wajar dijadikan teladan.

Nabi Ismail Alaihissalam ialah seorang anak yang soleh. Baginda dengan rela hati sanggup dikorbankan demi mentaati perintah Allah Subhanahu Wata'ala serta berbakti kepada ayahandanya. Ketaatan ini seharusnya kita contohi dalam berbakti kepada ibu bapa. Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala mewajibkan kita untuk taat dan berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapa yang telah menjaga serta membesarkan kita. Dalam Al-Quran, terdapat banyak ayat yang menekankan kewajiban berbuat baik kepada ibu bapa. Antaranya ialah firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Isra', ayat 23 :

**Tafsirnya** : "Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah melainkan Dia semata-mata

Sebelum ini, mereka telah melaksanakan wukuf di Padang Arafah, yang merupakan rukun serta kemuncak ibadah haji. Mereka mengenakan pakaian ihram serba putih sebagai lambang kesatuan umat dan ketulusan hati dalam menyahut panggilan llihi. Pada masa yang sama, mereka mengagungkan Allah Subhanahu Wata'ala dengan laungan talbiah yang penuh keinsafan dan menyentuh hati, dilafazkan berulang kali sambil menitiskan air mata kegembiraan serta rasa syukur kerana diberi kesempatan untuk menunaikan ibadah haji.

Jika kita mengimbas kembali sejarah, di Padang Arafah itulah Nabi Adam Alaihissalam dan Sayyidatina Hawa dipertemukan semula setelah sekian lama terpisah akibat melanggar perintah Allah Subhanahu Wata'ala kerana menghampiri pohon larangan di syurga. Dan kini di tempat yang sama juga yakni di Padang Arafah, zuriat Nabi Adam Alaihissalam dan Sayyidatina Hawa dari seluruh pelosok dunia berhimpun, saling berkenalan dan mengeratkan persaudaraan tanpa mengira bangsa, warna kulit, bangsa dan budaya.

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala menjanjikan ganjaran pahala yang besar bagi mereka yang menunaikan ibadah haji dengan sempurna iaitu dengan melaksanakan semua rukun, wajib, sunat serta adab-adab haji, sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya** : "Dan haji yang mabrur itu yakni yang diterima itu tiada balasan baginya selain syurga". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Di samping itu, mereka yang menunaikan ibadah haji turut memperoleh pelbagai kelebihan lain. Antaranya doa mereka dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan apabila mereka memohon keampunan, nescaya Allah Subhanahu Wata'ala mengampuni dosa-dosa mereka. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya** : "Orang-orang yang menunaikan haji dan umrah itu adalah utusan Allah. Jika mereka berdoa kepada-Nya, nescaya Allah akan memperbetulkannya, jika mereka memohon keampunan kepada-Nya nescaya Allah akan mengampunkan mereka".

**Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar**  
 Ibadah haji merupakan kemuncak dalam Rukun Islam yang lima. Ia adalah ibadah agung yang sentiasa menjadi impian umat Islam daripada pelbagai lapisan. Setiap Muslim setentunya menyimpan harapan

dan hendaklah kamu berbuat baik kepada ibu bapa dengan sebaik-baiknya. Jika salah seorang daripada mereka berdua atau kedua-duanya berumur lanjut dalam jagaan dan peliharaannya maka janganlah sekali-kali engkau mengatakan kepada kedua-duanya (sesuatu perkataan yang boleh menyinggung perasaan seperti perkataan) "Ah" dan janganlah engkau menengking kedua-duanya tetapi ucapkanlah kepada kedua-duanya perkataan yang mulia (dengan berlemah lembut dan bersopan santun)".

Perintah Allah Subhanahu Wata'ala agar berbuat baik kepada ibu bapa dalam ayat tersebut menunjukkan betapa tingginya kedudukan mereka selepas kewajiban mentauhidkan Allah Subhanahu Wata'ala. Perintah berbuat baik kepada ibu bapa disebut sebagai ihsan, iaitu melakukan kebaikan dalam setiap perkara yang menggembirakan dan menyenangkan hati mereka. Berbakti kepada ibu bapa bukan sekadar amalan, tetapi merupakan satu kewajiban yang besar.

Ketahuilah bahawa setiap kebaikan yang dilakukan terhadap ibu bapa mampu mengangkat darjat seorang anak ke kedudukan yang tinggi di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Betapa mulianya

untuk menjadi tetamu Allah Subhanahu Wata'ala, menyahut panggilan-Nya demi menyempurnakan fardu haji di Tanah Suci. Namun ibadah haji bukanlah ibadah yang dilaksanakan dengan keinginan semata-mata. Ia menuntut persediaan perbelanjaan bagi dirinya sepanjang menunaikan haji, di samping memastikan orang-orang yang berada di bawah tanggungannya tetap terpelihara kebajikan mereka sepanjang peninggalannya. Pengajaran daripada perkara ini ialah Islam mendidik umatnya supaya rajin berusaha, bijak merancang dan mencari rezeki yang halal. Rezeki yang dicari sebenarnya bukan semata-mata untuk memenuhi keperluan dunia, bahkan menjadi jalan untuk menyempurnakan ibadah dan meraih kebahagiaan di akhirat.

Di samping kemampuan harta, kesihatan tubuh badan juga amat penting dalam menunaikan ibadah haji dengan sempurna. Ibadah haji menuntut kekuatan jasmani, ketahanan mental dan kesabaran yang tinggi. Oleh itu, umat Islam hendaklah sentiasa menjaga kesihatan diri kerana tubuh badan yang sihat dan fikiran yang tenang akan membantu seseorang melaksanakan ibadah dengan lebih sempurna, tertib dan khusyuk.

Selain itu, jemaah haji juga hendaklah mengetahui cara pelaksanaan manasik haji dengan betul. Mereka perlu memahami rukun-rukun haji, perkara-perkara wajib, sunat serta adab-adabnya. Ini kerana ibadah yang besar seperti haji tidak memadai dilakukan hanya dengan ikut-ikutan atau meniru perlakuan orang lain tanpa kefahaman. Maka di sinilah pentingnya ilmu. Ibadah yang dilakukan dengan ilmu akan menghilangkan keraguan, memandu seseorang kepada pelaksanaan yang betul serta menjadikan amal ibadah sempurna sebagaimana dituntut oleh syarak.

Dalam perjalanan menunaikan haji pula, jemaah haji juga perlu mengambil berat tentang keselamatan dan kesejahteraan diri, sama ada dari segi nyawa mahupun harta benda. Hal ini mendidik umat Islam supaya sentiasa berhati-hati, berwaspada, mematuhi arahan, menjaga amanah dan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala dalam apa jua keadaan.

Selain itu, perhimpunan haji juga memberi peluang kepada umat Islam untuk saling mengenali, hormat-menghormati, bantu-membantu dan mengukuhkan perpaduan. Inilah hikmah besar ibadah haji iaitu membentuk umat Islam yang sedar akan tanggungjawab, menjaga hubungan sesama manusia dan sentiasa berusaha membawa

kebaikan. Berfirman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-Imran, ayat 97 :

**Tafsirnya** : "Dan Allah mewajibkan ke atas manusia mengerjakan ibadah haji ke Baitullah iaitu bagi sesiapa yang mampu dan berkuasa sampai kepadanya. Dan sesiapa yang mengingkari (kewajipan ibadah haji) maka sesungguhnya Allah Maha Kaya daripada sekalian alam".

**Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar**  
 Demikianlah ibadah haji mengajar kita bahawa setiap nikmat menuntut kesyukuran, setiap ibadah memerlukan ilmu, setiap perjalanan memerlukan persediaan dan setiap umat memerlukan perpaduan. Haji bukan sahaja mendidik seseorang menjadi hamba yang taat kepada Allah Subhanahu Wata'ala, bahkan membentuk masyarakat berdisiplin, saling membantu, menjaga keselamatan, menghargai nikmat dan sentiasa bersyukur atas segala kurniaan-Nya.

Dalam hubungan itu, kita di Negara Brunei Darussalam hendaklah sentiasa bersyukur nikmat-nikmat yang telah Allah Subhanahu Wata'ala kurniakan kepada negara kita. Antaranya nikmat iman dan Islam, nikmat keamanan dan kesejahteraan, nikmat pemerintahan yang adil, nikmat kemakmuran serta nikmat kehidupan beragama yang terpelihara dalam suasana aman dan harmoni. Lebih-lebih lagi, kita amat bersyukur kerana negara kita dikurniakan seorang raja yang menjadi *qudwah* dalam memartabatkan agama Islam. Di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, syiar Islam terus terpelihara, pendidikan agama terus diperkukuhkan, masjid-masjid terus dimakmurkan, kebajikan rakyat terus diberi perhatian dan urusan ibadah termasuk ibadah haji terus diatur dengan penuh keprihatinan, kesejahteraan dan keselamatan.

Maka nikmat-nikmat yang besar ini janganlah kita pandang ringan. Syukurilah ia dengan memperkukuhkan iman, meningkatkan takwa, menjaga perpaduan, memelihara keamanan, mentaati peraturan, menghormati kepimpinan serta sama-sama mendukung usaha memartabatkan agama Islam di negara yang kita cintai ini.

**Tafsirnya** : "Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu (dengan sejelas-jelasnya) : Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur (terhadap segala nikmat-Ku) tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur (terhadap nikmat itu) maka sesungguhnya adab-Ku sangat keras". (Surah Ibrahim, ayat 7)

## Khutbah Kedua

Jika kamu mampu memintanya maka lakukanlah". Berkata Umar : "Mintalah ampun untukku". Maka Uwais meminta ampun untuk Umar".

Daripada kisah tersebut, kita dapat mengambil iktibar betapa tingginya kedudukan seorang anak yang berbakti kepada ibu bapa di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Justeru, jangan kita sesekali menganggap ibu bapa sebagai beban. Dahulu, merekalah yang menjaga kita tanpa jemu, ibulah yang mengandung dan melahirkan dengan penuh kesakitan serta bapalah yang berhempas pulas mencari rezeki demi membesarkan kita dengan penuh pengorbanan.

Maka adalah tidak wajar, apabila ada anak yang sudah dewasa berat untuk menjaga ibu bapanya, sedangkan pada saat itulah mereka paling memerlukan kasih sayang. Ingatlah, bahawa melupakan jasa mereka merupakan perbuatan derhaka dan derhaka kepada ibu bapa merupakan dosa besar yang amat dibenci oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

## JEMAAH NBD WUKUF DI ARAFAH



### Siaran Akhbar dan Foto : Darussalam Services Sendirian Berhad

**ARAFAH,** Rabu, 27 Mei. - Jemaah haji Darussalam Services Sendirian Berhad (DSSB) bersama-sama jemaah haji dari Negara Brunei Darussalam (NBD) baru-baru ini telah melaksanakan ibadah wukuf di Padang Arafah, yang merupakan kemuncak ibadah haji serta salah satu Rukun Haji yang paling utama.

Dalam suasana penuh keinsafan dan kekhushyukan, jemaah mengambil kesempatan untuk memperbanyakkan doa, zikir serta muhasabah diri, memohon keampunan dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Cuaca yang cerah serta keadaan yang teratur telah membantu melancarkan segala

urusan jemaah dalam menunaikan ibadah tersebut.

Khutbah Arafah khas bagi jemaah haji NBD telah disampaikan oleh Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop, dipilih dari kalangan jemaah haji.

Dalam khutbah tersebut, beliau menekankan kepentingan keikhlasan dalam beribadah, memperkukuhkan iman, serta menyeru para jemaah agar



DALAM suasana penuh keinsafan dan kekhushyukan, jemaah mengambil kesempatan untuk memperbanyakkan doa, zikir serta muhasabah diri, memohon keampunan dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala (atas dan kiri).

menjadikan pengalaman haji sebagai titik permulaan untuk memperbaiki diri dan kehidupan selepas kembali ke tanah air.

Beliau turut mengingatkan para jemaah supaya sentiasa bersyukur atas peluang menjadi tetamu Allah serta meneruskan nikmat tersebut dengan memperbanyakkan amalan soleh dan memperkukuhkan hubungan sesama masyarakat apabila kembali ke NBD.

DSSB, dengan kerjasama Jabatan Urusan Haji serta pihak berkuasa tempatan, sentiasa komited dalam memastikan kebajikan dan keselamatan para jemaah sentiasa diutamakan sepanjang berada di tanah suci.

Semoga seluruh jemaah haji NBD dikurniakan haji yang mabrur serta kembali ke tanah air dengan selamat dan membawa keberkatan ibadah haji dalam kehidupan seharian.

### >> Muka 18

#### Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar

Kisah ketaatan Nabi Ismail Alaihissalam kepada ayahandanya Nabi Ibrahim Alaihissalam jelas menunjukkan bahawa akhlak mulia lahir daripada didikan yang penuh kasih sayang dan sempurna. Sesungguhnya pendidikan yang baik amat penting dalam membentuk jiwa anak-anak dengan bekalan ilmu agama dan akhlak yang mulia, insyaaAllah mereka akan membesar sebagai insan yang beriman, berakhlak dan berbakti. Dari situlah lahirnya anak-anak yang bukan sahaja membahagiakan ibu bapa, malah berjaya di dunia dan beroleh kebahagiaan di akhirat.

Oleh itu, menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk mendidik anak-anak dengan ilmu tauhid dan akhlak yang mulia. Bimbinglah mereka dengan penuh kasih sayang, tegurlah dengan hikmah apabila mereka tersalah langkah dan didiklah mereka agar taat kepada perintah Allah Subhanahu Wata'ala serta menjauhi larangan-Nya.

Sesungguhnya setiap kita memikul tanggungjawab sama ada sebagai anak mahupun ibu bapa. Laksanakanlah amanah daripada Allah Subhanahu Wata'ala ini dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh. Mudah-mudahan, dengan usaha tersebut, lahirlah keluarga yang harmoni dan diberkati. Marilah kita berdoa agar keluarga kita sentiasa mendapat petunjuk dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala serta dikurniakan keselamatan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

**Tafsirnya :** "Dan Kami memerintahkan manusia supaya berbuat kebaikan kepada ibu bapanya, ibunya telah mengandukannya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan dan tempoh menghentikan penyusuannya dalam dua tahun, (dengan demikian) : "Bersyukurlah kepada-Ku dan kepada ibu bapamu. Kepada Aku jualah tempat kembali". (Surah Luqman, ayat 14)

## Sekolah Joyful Kids Montessori adakan Hari Kesedaran Autisme



SEKOLAH Joyful Kids Montessori mengadakan Hari Kesedaran Autisme sebagai usaha meningkatkan kesedaran dalam kalangan murid dan ibu bapa mengenai autisme serta kepentingan penerimaan terhadap kepelbagaian individu. Para peserta berpeluang mengikuti sesi penceritaan buku Khabib's Ausome World, hasil karya Nurhana Awang (atas dan kanan).

Oleh : Siti Rokiah Abdullah  
Foto : Ihsan Joyful Kids Montessori School

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 28 Mei. - Sekolah Joyful Kids Montessori telah mengadakan Hari Kesedaran Autisme buat julung kalinya dengan mengangkat tema 'Embracing Differences' (Meraikan Perbezaan) sebagai usaha meningkatkan kesedaran dalam kalangan murid dan ibu bapa mengenai autisme serta kepentingan penerimaan terhadap kepelbagaian individu.

Sebagai sebuah sekolah yang mengamalkan pendidikan inklusif, Joyful Kids Montessori pada masa ini mempunyai 10 murid yang menerima sokongan melalui Unit Sokongan Pembelajaran (Learning Support Unit), yang membolehkan

termasuk kanak-kanak berkeperluan khas.

Aktiviti tersebut turut mendapat sokongan daripada pasukan sukarelawan Standard Chartered yang berganding bahu dengan Special Olympics Brunei Darussalam bagi memastikan kelancaran program.

Selain itu, para peserta turut berpeluang mengikuti sesi penceritaan buku Khabib's Ausome World, hasil karya Nurhana Awang. Buku tersebut mengisahkan pengalaman beliau sebagai seorang ibu yang membesarkan anak lelaki autisme, sekali gus memberikan gambaran yang lebih dekat mengenai kehidupan dan cabaran yang dihadapi oleh individu autisme serta keluarga mereka.



Melalui penganjuran kempen ini, pihak sekolah berharap komuniti sekolah yang terdiri daripada murid, ibu bapa dan warga pendidik akan terus memupuk sikap saling

memahami, menghormati serta menerima kanak-kanak yang mempunyai perbezaan, tanpa mengira latar belakang atau keperluan mereka.

# PROSES PENGAGIHAN DAGING KORBAN BERJALAN LANCAR

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Azmah Haji Ahad



PENGAGIHAN daging-daging korban di Dewan Muhibbah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 28 Mei. – Sejumlah 833 ketua keluarga termasuk 1,840 tanggungan menerima pengagihan daging ibadah korban sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta kerabat baginda bertempat di Dewan Muhibbah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara (DBM), di sini.

Pengagihan daging-daging korban berkenaan disempurnakan oleh penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung di DBM khususnya di Mukim Zon 1, Zon 2, Zon 3 dan Zon 4 Kampong Ayer; Mukim Kianggeh; Mukim Kota Batu; dan Mukim Berakas 'A'.

Dalam temu bual Pelita Brunei bersama Penghulu Mukim Kota Batu, Awang Rasli bin Taram mengongsikan, sepanjang proses pengagihan daging korban kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta kerabat baginda, berjalan dengan lancar walaupun diadakan setiap tahun.

Tambahnya, sebelum acara

pengagihan dilaksanakan, pihak mereka telah mengadakan muzakarah bersama dengan pihak Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB) dan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) untuk menyelaras nama-nama penerima, dan seterusnya proses menerima daging-daging berkenaan.

"Alhamdulillah, sepanjang proses ini dijalankan, semuanya berjalan lancar. Mereka memberi kerjasama yang padu, daripada pihak JUZWAB dan JAPEM yang mengenal pasti nama-nama penerima.

"Jadi, di pihak kami, kami kena memastikan penerima ini orang kami atau bukan," ujarnya lagi.

Menurutnya, ada sesetengah penerima yang sudah berpindah alamat, jadi pada masa yang sama pihaknya perlu mengemas kini maklumat-maklumat penerima berkenaan dan pihak JAPEM akan menyemak sama ada masih dalam senarai penerima bantuan atau tidak.

Dalam pada itu, Awang Rasli mewakili penduduk Mukim Kota Batu khususnya, menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli



PENGHULU Mukim Kota Batu, Awang Rasli bin Taram.

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat diraja atas pengurniaan daging-daging korban sempena Hari Raya Aidiladha.

"Selaku rakyat kami mendoakan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat diraja dilanjutkan usia, sihat walafiat, murah rezeki, sentiasa dalam rahmat dan lindungan Allah Subhanahu Wata'ala. InsyaaAllah, Amin," ujarnya lagi.

## Pengagihan daging korban memupuk nilai kebersamaan, berkongsi rezeki

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



**BELAIT,** Khamis, 28 Mei. - Pengagihan daging korban sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta kerabat diraja bagi Daerah Belait diadakan di Pusat Insani, Seria.

Daging-daging korban sunat berkenaan diagihkan kepada ketua-ketua kampung di Mukim Belait mengikut zon masing-masing sebelum diserahkan kepada para penerima yang layak.

Bagi Mukim Belait sahaja, seramai 359 ketua keluarga

berserta 604 tanggungan menerima agihan daging korban sunat berkenaan.

Sehubungan itu, Pelita Brunei berpeluang mengikuti acara pengagihan daging korban sunat ke rumah-rumah penerima di Kampung Pandan 'D'.

Ketua Kampung Pandan 'D', Awang Mohammad Farid bin Kasim menjelaskan, pengagihan daging korban pada tahun ini dilaksanakan dengan kerjasama Majlis Perundingan Kampung (MPK), para sukarelawan serta agensi-agensinya berkaitan.

Menurutnya, proses pengagihan dijalankan secara tersusun bagi memastikan semua penerima yang berdaftar menerima agihan dengan lancar dan teratur.

Beliau turut menjelaskan, seramai 32 penerima menerima agihan daging korban pada tahun ini dengan keutamaan diberikan kepada golongan asnaf dan

keluarga kurang berkemampuan.

Tambahnya, penduduk kampung amat bersyukur dan menjunjung kasih atas kurnia serta keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Pengagihan berkenaan bukan sahaja membantu meringankan beban penerima, malah mengeratkan silaturahmi serta semangat kebersamaan dalam kalangan masyarakat kampung.

"Bagi memastikan proses pengagihan berjalan lancar, pihak MPK telah membuat persediaan awal termasuk menyusun senarai penerima serta memastikan alamat penerima adalah tepat.

"Pengagihan daging korban mempunyai makna yang amat besar kerana mencerminkan nilai keprihatinan, kebajikan dan semangat tolong-menolong dalam masyarakat. Selain membantu golongan yang memerlukan, ia juga menjadi medium bagi mengukuhkan perpaduan serta memupuk rasa syukur dan kebersamaan dalam kalangan penduduk kampung," ujarnya lagi.

Menyentuh mengenai cabaran sepanjang pengagihan dijalankan, beliau berkata antara perkara yang dihadapi ialah penyelaras masa pengagihan serta memastikan semua penerima berada di kediaman masing-masing. Namun demikian, dengan kerjasama Ahli-ahli MPK, segala cabaran dapat diatasi melalui komunikasi dan penyusunan yang lebih teratur.

Awang Mohammad Farid berharap agar program seumpama berkenaan akan dapat diteruskan pada masa



PENGAGIHAN daging korban bukan sahaja membantu meringankan beban penerima, malah mengeratkan silaturahmi serta semangat kebersamaan dalam kalangan masyarakat kampung (atas dan kiri).

akan datang kerana memberi manfaat besar kepada masyarakat di samping memperkukuh silaturahmi dalam kampung.

Beliau juga berharap lebih ramai pihak akan tampil bekerjasama dan menyokong aktiviti kemasyarakatan demi kesejahteraan bersama.

Sementara itu salah seorang penerima, iaitu Awang K. Ahmad bin Ali Mohamad@K. Ahmad bin P. Visuambaram menzahirkan rasa syukur dan terharu menerima agihan daging korban kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menurutnya mencerminkan keprihatinan baginda terhadap rakyat dan penduduk di negara ini.

Beliau berpendapat program berkenaan bukan sahaja membantu meringankan beban penerima, malah turut mengeratkan silaturahmi serta

memupuk nilai kebersamaan dan semangat berkongsi rezeki sempena Hari Raya Aidiladha.

Awang K. Ahmad turut berharap agar Negara Brunei Darussalam akan sentiasa aman dan makmur serta mendoakan agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia berserta kerabat diraja sentiasa dikurniakan kesihatan dan kesejahteraan.

Manakala Dayang Siti Hayati binti Abdullah pula turut menzahirkan rasa gembira dan bersyukur kerana terpilih menerima agihan daging korban berkenaan.

Menurutnya, program berkenaan mencerminkan semangat perpaduan, saling bantu-membantu dan berkongsi rezeki, di samping memupuk rasa syukur serta mengeratkan hubungan kemasyarakatan.

Beliau juga berharap agar seluruh umat Islam akan terus dikurniakan kesihatan, keselamatan dan keberkatan hidup.



UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

UNISSA / SB0007 / 2026 / 2027

Mencetak Dan Membekal Buku-Buku Dan Jurnal-Jurnal Terbitan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Press April 2026

UNISSA / SB0008 / 2026 / 2027

Supply And Delivery Of Laboratory Grade Chemicals For Creates Research Project Titled "Improving Soil Quality, Paddy Yield And Paddy Farmers' Profit Using Organic Conditioners From Chicken Dung (Unissapaddy-21)"

UNISSA / SB0009 / 2026 / 2027

Perkhidmatan Penyelenggaraan Pencegahan (Preventive Maintenance) Bagi Alat Makmal Heal Force UPW System Di Pusat Makmal Saintifik Ibnu Sina (PMSIS), Kampus Sinaut, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

UNISSA / SB0010 / 2026 / 2027

Membekal Dan Menghantar Buku-Buku Rujukan (Fizikal & E-Book) Fakulti Sains Halal Dan



Pelancongan Mampan (FSHPM), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

UNISSA / SB0011 / 2026 / 2027

Mencetak Dan Menghantar Bahan-Bahan Cetakan Sempena Majlis Mahrajan Hafli Al-Takharruj Ke-16 Dan Majlis Hafli Al-Takharruj Ke-16 Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) 2026

Tarikh Tutup Tawaran:  
Rabu,  
10 Jun 2026  
Jam 2.00 Petang



JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Sebut Harga:  
JPE / LTK / BPP / 012 / 2026

Tajuk Sebut Harga:  
Provision Of Manpower For Low Voltage Remedial Works In Bandar Seri Begawan Areas For A Period Of Three (3) Years

Tarikh Tutup:  
Selasa,  
9 Jun 2026  
Jam 2.00 Petang

Yuran Dokumen:  
BND30.00  
(Tidak Dikembalikan)



Bilangan Sebut Harga:  
JPE / LTK / BPP / 013 / 2026

Tajuk Sebut Harga:  
Replacement Of Street Lighting Poles Statewide For A Period Of Three (3) Years

Tarikh Tutup:  
Selasa,  
9 Jun 2026  
Jam 2.00 Petang

Yuran Dokumen:  
BND30.00  
(Tidak Dikembalikan)



Bilangan Sebut Harga:  
JPE / LTK / BPP / 019 / 2026

Tajuk Sebut Harga:  
Provision Of Manpower For Low Voltage Remedial Works In Sengkurong Area For A Period Of Three (3) Years

Tarikh Tutup:  
Selasa,  
9 Jun 2026  
Jam 2.00 Petang

Yuran Dokumen:  
BND30.00  
(Tidak Dikembalikan)



JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER  
UTAMA DAN PELANCONGAN

Tawaran Tapak Bagi Menjalankan Perusahaan Agrimakanan Di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Sinaut, Daerah Tutong

Bilangan:  
02 / 2026

Keterangan Tapak:  
Banglo Kelas F (PWD 435) Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Sinaut Daerah Tutong

Syarat:  
Perusahaan Tanaman, Agrimakanan dan Agripelancongan

Tempoh Iklan:  
4 minggu

Tarikh Mula Iklan:  
Isnin,  
18 Mei 2026

Tarikh Berakhir Iklan:  
Sabtu,  
13 Jun 2026

Tarikh Akhir Menghantar:  
Sabtu,  
11 Julai 2026  
Sebelum Jam 3.00 Petang

Harga Penjualan Borang:  
BND1.00 / borang



KEMENTERIAN  
HAL EHWAL UGAMA

Pemberitahuan Tawaran

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :  
KHEU / JPI / JKS / PPPB / SAT,SUPMMB / 2026 - 2027  
Perkhidmatan Pengurusan Dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping) Tempoh 24 Bulan Bagi Sekolah Arab Temburong Dan Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohammed Bolkiah

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:  
KHEU / JPI / JKS / PPPB / SUBT / 2026 - 2027  
Perkhidmatan Pengurusan Dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping) Tempoh 24 Bulan Bagi Sekolah Ugama Bokok, Temburong

Tarikh Tutup Sebut Harga:  
Rabu,  
16 Zulhijah 1447H /  
3 Jun 2026M  
Jam 2.00 Petang



PUSAT PEKERJAAN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan dan Tajuk Tawaran:  
PPB / CIU / IT / 2026 / 3  
The Supply And Delivery Of Printer Supplies For Pusat Pekerjaan Brunei

Yuran Tawaran:  
BND 5.00  
(Tidak dikembalikan dan dibayar melalui BIBD Online)

Tarikh Buka Tawaran  
Selasa,  
19 Mei 2026

Bilangan dan Tajuk Tawaran:  
PPB / CIU / COMM / 2026 / 27  
To Supply And Deliver Event Supplies And Souvenirs For Pusat Pekerjaan Brunei (PPB) Event And Activities

Yuran Tawaran:  
BND 5.00  
(Tidak dikembalikan dan dibayar melalui BIBD Online)

Tarikh Buka Tawaran  
Rabu,  
20 Mei 2026

Tarikh Tutup:  
Rabu, 3 Jun 2026  
Jam 9.00 Pagi



RADIO TELEVISYEN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI

Notis Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:  
RTB / K / 22 / 26-27  
Supply And Delivery Of Portable Hard Disk Drives

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:  
RTB / K / 23 / 26-27  
Supply And Delivery Of SDI Audio Monitoring For Playout Centre

Bayaran Yuran:  
BND5.00  
(Tidak dikembalikan)  
(termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:  
BND5.00  
(ika perlu dan tidak dikembalikan)  
(Hardcopy)

Tarikh Tutup:  
Rabu,  
10 Jun 2026  
Jam 2.00 Petang



JABATAN BELIA DAN SUKAN  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN

Rujukan Iklan:  
01 / 2026

Jawatan Kosong Pegawai Projek Sukan (Kontrak) Jabatan Belia Dan Sukan B.2 EB.3

Kekosongan:  
Satu (1)

Tarikh Tutup Permohonan:  
13 Jun 2026





## KEMENTERIAN PENDIDIKAN

## Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Kantin

DA / JKSH / 38 / 2026 / 2027 [BPPA-MEI-2026]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Sekolah Rendah Sultan Umar Ali Saifuddin, Muara Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Harga Sewa Kantin:**  
BND164.00 Sebulan

DA / JKSH / 39 / 2026 / 2027 [BPPA-MEI-2026]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi: Sekolah Rendah Awang Haji Mohd Yusof, Katimahar Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Harga Sewa Kantin:**  
BND313.00 Sebulan

DA / JKSH / 40 / 2026 / 2027 [BPPA-MEI-2026]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi: Sekolah Rendah Birau Daerah Tutong Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Harga Sewa Kantin:**  
BND67.00 Sebulan

DA / JKSH / 41 / 2026 / 2027 [BPPA-MEI-2026]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi: Sekolah Rendah Lubok Pulau Daerah Tutong Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Harga Sewa Kantin :**  
BND30.00 Sebulan



## DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**Bilangan dan Nama Dokumen Sebut Harga:**  
08 / DBP / SH / 2026-2027 Mencetak Buku Nota, Pen Dan Kad Undangan DBP Sempena Sambutan Bulan Bahasa 2026 Dan Memperingati 65 Tahun Penubuhan DBP

**Harga Borang Tawaran:**  
BND10.00

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
Rabu, 3 Jun 2026  
Jam 2.00 Petang



DA / JKSH / 42 / 2026 / 2027 [BPPA-MEI-2026]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi: Sekolah Rendah Lamunin Daerah Tutong Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Harga Sewa Kantin:**  
BND48.00 Sebulan

**Bayaran Yuran Sebut Harga:**  
BND5.00

**Tarikh Tutup / Waktu:**  
Sabtu, 6 Jun 2026  
Jam 9.00 Pagi

## Syarat Khas

Dibukakan Khas Bagi Warganegara Dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam, Pemilik Syarikat / Premis Syarikat Hendaklah Beralamat (Mengikut Sijil Perniagaan 16/17) Di Tempat Kantin Berkenaan Bertapak. Sebagai Contoh, Hanya Pemilik Syarikat / Premis Syarikat Yang Beralamat Di Daerah Brunei



## JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**  
JBKBS / GP / TI / 2026 (2) Pengurusan Dan Pengendalian Gerai Perayaan Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Bagi Daerah Belait Tahun 1447H / 2026M.

**Yuran Tawaran:**  
BND20.00

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
9 Jun 2026  
Jam 11.30 Pagi.



Muara Yang Dapat Dipertimbangkan Untuk Mengendalikan Kantin Di Sekolah-Sekolah Yang Bertapak Di Daerah Brunei Muara.



## KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

## Makluman Pemberitahuan Sebut Harga

## Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:

MFA / SEC / 008 / 2026 Membekalkan Perkhidmatan Pengawal Keselamatan Bangunan Kementerian Hal Ehwil Luar Negeri Di Jalan Perayaan Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
Rabu,  
10 Jun 2026  
Jam 2.00 Petang



## JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

## Bilangan dan Rujukan Tajuk Tawaran:

JKED / TAWARAN / UPICT / BPPK / Q / 2026-07 Pembekalan Barang Guna Habis Mesin Pencetak (Toner, Drum Dan Maintenance Box) Bagi Kegunaan Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan Dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam Untuk Tempoh Satu (1) Tahun

**Tarikh Tutup :**  
Selasa,  
9 Jun 2026  
Jam 2.00 Petang



## JABATAN MUZIUM-MUZIUM KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**Bilangan Sebut Harga:**  
09 / JMM / S / 12 / 91  
(2026 / 2027)

**Tajuk Sebut Harga:**  
Term Contract (36 Months) For Grass Cutting & Upkeeping Works At Muzium Daerah Belait, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
Khamis,  
4 Jun 2026  
Jam 2.00 Petang



**Bilangan Sebut Harga:**  
10 / JMM / S / 12 / 91  
(2026 / 2027)

**Tajuk Sebut Harga:**  
Sebut Harga Bagi Projek Term Contract (24 Months) For Maintenance Of Lift At Muzium Brunei Kota Batu, Jabatan Muzium-Muzium, Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
Khamis,  
4 Jun 2026  
Jam 2.00 Petang



## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Unit Teknologi Maklumat, Divisyen Pengurusan Korporat, Kementerian Pembangunan

## Notis Tawaran

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**  
(01/26) KPN / DPKSM / PROC / 2026-2028

Pembekalan Barang Pejabat, Barang Dapur Dan Pencuci Kenderaan Kementerian Pembangunan Selama Dua (2) Tahun (2026-2028)

**Bayaran Bagi Setiap E-Dokumen Tawaran:**  
BND10.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Buka:**  
Rabu,  
20 Mei 2026

**Tarikh Akhir Pembelian dan Pembayaran:**  
Sabtu,  
6 Jun 2026

**Tarikh Tutup:**  
Selasa,  
9 Jun 2026  
Jam 9.00 Pagi



## JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

**Tajuk Tawaran:**  
The Supply, Delivery, Installation And Commissioning Of FIDS Display Monitors At Brunei International Airport For Department Of Civil Aviation Brunei International Airport TERMINAL / 2026 – 2027 / SH - 02

**Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:**  
Rabu,  
20 Mei 2026

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:**  
Selasa,  
2 Jun 2026

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
Rabu,  
3 Jun 2026  
Tidak lewat jam 2.00 Petang

**Kepada:**  
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga d/a Aras Bawah, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi Bandar Seri Begawan BB2513 Negara Brunei Darussalam





**JABATAN AUDIT  
KEMENTERIAN  
KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**  
AUD / BPK / UE / Q&T /  
2026-2027 / 05

Tawaran Bagi Kerja – Kerja  
Membekal, Membuka Dan  
Memasang Pintu Cermin Dan  
Pintu Kayu Di Jabatan Audit,  
Bangunan Bahirah, Jalan Dewan  
Majlis

**Keterangan Tawaran:**  
To repair and provide adjustment  
for the bottom pivot to adjust the  
door slightly, preventing floor  
contact and ensuring the door  
able to function well; including  
provide new lockset and other  
ironmongeries to the door if  
necessary

**Tempat:**  
Pintu belakang berdekatan  
dengan dinding kaca Petroleum  
Autoriti

**Jumlah:**  
2 unit  
(Pintu No 8 & No 9)

**Keterangan Tawaran:**  
To repair and provide adjustment  
for the bottom pivot to adjust the  
door slightly, preventing floor  
contact and ensuring the door  
able to function well; including  
provide new lockset and other  
ironmongeries to the door if  
necessary

**Tempat:**  
Pintu Dewan Serbaguna  
Bangunan Bahirah

**Jumlah:**  
1 unit

**Keterangan Tawaran:**  
To remove the broken door glass  
from the site; supply and install  
new door glass overall size:  
920mm x 740mm

**Tempat:**  
Pintu di Tingkat 6  
menuju Roof Top

**Jumlah:**  
1 unit

**Keterangan Tawaran:**  
To repair and provide adjustment  
to the door for preventing floor  
contact and ensuring the door able  
to function well; including provide  
new lockset and other  
ironmongeries to the door if  
necessary

**Tempat :**  
Tingkat 1,  
Blok C,  
Pintu belakang

**Jumlah:**  
1 unit

**Keterangan Tawaran:**  
To repair the floor spring of the  
door so that the door able to open  
and close smoothly

**Tempat:**  
Pintu Utama Bangunan Bahirah

**Jumlah:**  
1 unit (Pintu no 3)

**Keterangan Tawaran:**  
To repair the ironmongeries to the  
following doors to ensure the door  
able to close tightly:-  
To replace sliding roller @ Pintu  
sliding Kantin Bangunan Bahirah

**Tempat:**  
Kantin Bangunan Bahirah

**Jumlah:**  
1 unit

**Keterangan Tawaran:**  
To repair the ironmongeries to the  
following doors to ensure the door  
able to close tightly:-  
Hinges @ Pintu Masuk Hadapan

**JABATAN MUZIUM-MUZIUM  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan  
Sebut Harga:**  
08 / JMM / S / 12 / 91  
(2026 / 2027)

**Tajuk Sebut Harga:**  
Term Contract (24 Months) For  
Maintenance Of Lift At HAB  
Tenaga Brunei Dermaga Diraja

**Tarikh Tutup  
Sebut Harga:**  
Khamis,  
4 Jun 2026  
Jam 2.00 Petang



**JABATAN DAERAH  
BRUNEI DAN MUARA  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI**

**Tawaran Bilangan :**  
JDBM / QSTOR / 002 / 2026  
Tawaran Sebut Harga Bagi  
Membekalkan Alat-Alat Tulis  
Selama Satu Tahun  
Bagi Jabatan Daerah Brunei dan  
Muara, Bandar Seri Begawan

**Tarikh Tutup:**  
Selasa,  
9 Jun 2026



**Tempat:**  
Tingkat 2 Blok B

**Jumlah:**  
1 unit

**Keterangan Tawaran:**  
To repair the ironmongeries  
to the following doors  
to ensure the door able  
to close tightly:-  
Hinges @ Pintu Masuk Hadapan

**Tempat:**  
Tingkat 4 Blok B

**Jumlah:**  
1 unit

**Keterangan Tawaran:**  
To remove the existing door,  
supply and install new laminated  
single leaf door including all the  
ironmongeries. Overall size  
735mm(L) x 2065mm (H)

**Tempat:**  
Pintu tandas lelaki  
tingkat 1 Blok B

**Jumlah:**  
1 unit

**Keterangan Tawaran:**  
To remove the existing door,  
supply and install new laminated  
single leaf door including all the  
ironmongeries.  
Overall size 735mm(L)  
x 2065mm (H)

**Tempat :**  
Pintu Tandas Surau Perempuan  
Tingkat 1

**Jumlah:**  
1 unit

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa, 2 Jun 2026  
Jam 2.00 Petang



**JABATAN KEMAJUAN  
PELANCONGAN  
KEMENTERIAN  
SUMBER-SUMBER UTAMA  
DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Tawaran :**  
JKP / LTK / 2026 - 2027 / 12

**Tajuk Tawaran:**  
Appointment Of Project  
Management Services For The  
Planning, Coordination And  
Delivery Of Visit Brunei Year  
(VBY)

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa, 16 Jun 2026  
Jam 2.00 Petang.



**IKLAN JAWATAN KOSONG  
PERKHIDMATAN AWAM**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT  
KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI  
DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

**PERINGATAN PENTING**

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
2. Profili yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.
1. Lengkapi Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
2. Lengkapi Kelulusan (keputusan / pengat verta subjek / bidang kelulusan)
3. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (Fajl, imej dan pengiklanan Tajuk Kelulusan Pengiklanan Kelulusan (PICK) yang berkenaan)
4. Tandakan "..." pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
5. Lengkapi Maklumat (Borang / perincian / Spesifikasi Perkhidmatan Awam / latihan bahasa / kelayakan profesional dan lain-lain yang diperincikan di dalam skim iklan)



JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1. PEGAWAI PELAJARAN JABATAN PENGAJIAN ISLAM KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA G.13 (BAHAGIAN II) 2026/MAY/07/KHEU	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	12	7(A)	06 JUN 2026
2. PEGAWAI KESIHATAN BERSEKUTU JABATAN PERKHIDMATAN PERGIAN KEMENTERIAN KESIHATAN M.13-14 EB.15 (BAHAGIAN II) 2026/MAY/02/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	02	7(A)	06 JUN 2026
3. PELATIH PEMBANTU TEKNIK JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PERDANA MENTERI D.1-2 (BAHAGIAN IV) 2026/MAY/05/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	01	7(A)	06 JUN 2026

- PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG"
  2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI: PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANKAN DIBAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA
  3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

**PERATURAN  
PENGIKLANAN  
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)  
DI PELITA BRUNEI**

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400  
sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



## KEMENTERIAN KESIHATAN

## Pemberitahuan Tawaran Negara Brunei Darussalam

## Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 93 / 2026 / TUT  
Supply, Fabricate And Install Two Soundproof Room For New Audiology Room, PMMPMHAMB Hospital Tutong

## Kelayakan Pemborong / Pembekal:

Berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dan / atau Kementerian Kesihatan

## Kelas:

II dan ke atas

## Kategori:

B01

## Bayaran Yuran Tawaran:

BND30.00

## Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 94 / 2026 / UPP  
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Tourniquet System For Operating Theatre At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

## Bayaran Yuran Tawaran:

BND10.00

## Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 95 / 2026 / SSBH  
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Delivery Beds For Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Kuala Belait

## Bayaran Yuran Tawaran:

BND30.00

## Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 96 / 2026 / TUT (TC)  
The Provision Of Catering Services For The Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (PMMPMHAMB) Hospital Tutong, National Isolation Centre, National Isolation Centre Extension (NICE) And Tutong Dialysis Centre For A Period Of Five (5) Years

## Bayaran Yuran Tawaran:

BND500.00

## Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 97 / 2026 / DSS (TC)  
To Supply, Deliver And Install Purified Gases (Gaseous And Liquid Form) To Department Of Scientific Services, Ministry Of

Health For A Period Of Five (5) Years

## Bayaran Yuran Tawaran:

BND500.00

## Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 98 / 2026 / JPK (TC)  
The Provision Of Security Services For Pengkalan Batu Health Centre, Department Of Health Services, Ministry Of Health For A Period Of Two (2) Years

## Kelayakan Pemborong / Pembekal:

Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Pasukan Polis Diraja Brunei di Bahagian Perlesenan Agensi Pengawal Keselamatan

## Bayaran Yuran Tawaran:

BND30.00

## Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 99 / 2026 / ESTETMOH (TC)  
The Provision Of Maintenance Services For Fume Cupboards At Clinical Molecular Diagnostics Laboratory For Infectious Diseases (CMDLID) For A Period Of Three (3) Years

## Kelayakan Pemborong / Pembekal:

Syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan serta memiliki Sijil Pendaftaran Perniagaan di bawah Seksyen 16 dan 17, khususnya dalam bidang pembekalan peralatan perubatan, hospital, saintifik dan pergigian, adalah layak untuk menyertai tender ini

## Bayaran Yuran Tawaran:

BND30.00

## Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 100 / 2026 / HTD  
One Off Preventive Maintenance Services For Applied Biosystems Equipment At Department Of Scientific Services

## Bayaran Yuran Tawaran:

BND30.00

## Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 101 / 2026 / HTD  
Supply, Delivery, Installation, Testing, Commissioning And Upgrade Of Existing Surgical Endoscopy Camera Head System For Operating Theatre, RIPAS Hospital

## Bayaran Yuran Tawaran:

BND10.00

## Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 102 / 2026 / SSBH  
Kerja-Kerja Mencat Serta Membaikpulih Keretakan Keseluruhan Permukaan Dinding Luar Bangunan Serta Penambahan Atap Baru Blok K, E Dan R Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait

## Kelayakan Pemborong / Pembekal:

Berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kesihatan

## Kelas:

II dan III

## Kategori:

B01, E01 & KA01

## Bayaran Yuran Tawaran:

BND30.00

## Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 103 / 2026 / PPN (TC)  
The Provision Of Patient Care Assistant Services At The Department Of Dental Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

## Bayaran Yuran Tawaran:

BND50.00

## Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 14 / 2026 / PHARM  
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

## Bayaran Yuran Tawaran:

BND10.00

## Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 15 / 2026 / PHARM  
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

## Bayaran Yuran Tawaran:

BND10.00

## Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 16 / 2026 / PHARM  
The Supply And Delivery Of

Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

## Bayaran Yuran Tawaran:

BND50.00

## Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 17 / 2026 / PHARM  
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

## Bayaran Yuran Tawaran:

BND50.00

## Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 18 / 2026 / PHARM  
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

## Bayaran Yuran Tawaran:

BND10.00

## Tarikh Tutup Tawaran:

Sabtu,  
9 Jun 2026



سوروهنجاي قرخدمتن عوام

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

## PERATURAN-PERATURAN IKLAN JAWATAN AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (PENGGAL 83)

### Bab 7(A)

Peraturan 7(A): Dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

\*termasuk Gaji Hari, Luar Bidang Kuasa SPA dan Luar Negeri



### Bab 38(B)

Peraturan 38(B): Khusus bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan dimana kekosongan jawatan diiklankan.

\*termasuk Luar Bidang Kuasa SPA



### Bab 38(A)

Peraturan 38(A): Khusus bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

\*termasuk Luar Bidang Kuasa SPA



# KETAHUI SUMBER GARAM ANDA



کمنتین کصیحتن  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
MINISTRY OF HEALTH

**GARAM TERDIRI  
DARI 40% SODIUM**



## JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

**1385 mg**



1 bungkus  
Mee Segera

**1000 mg**



Sebiji  
Telur Masin

**880 mg**



1 sudu makan  
Kicap

**376 mg**



3 sudu makan  
Corned Beef

**295 mg**



1 bungkus kecil  
Keropok Ubi Kentang

**243 mg**



1 bungkus kecil  
Keropok Udang  
Tempatan

**120 mg**



1 cawan  
Kentang Goreng

**116 mg**



Segenggam  
Kacang Tanah (Salted)

**15 mg**



3 keping  
Kraker Beras

**2.4 mg**



1/2 cawan  
Amping

**1.7 mg**



Segenggam  
Kacang Tanah (Unsalted)

**1.2 mg**



Sebiji ukuran sederhana  
Pisang

**1**

Pilih makanan segar dan tidak berproses

**2**

Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat



**3**

Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam

**4**

Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin

**5**

Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok



hpcbrunei



Health Promotion Centre



Talian Darussalam 123

# PARA PENERIMA ZAHIRKAN RASA KESYUKURAN

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**LAMUNIN**, Khamis, 28 Mei. - Perasaan syukur dan terharu jelas terpancar pada wajah para penerima agihan daging ibadah korban sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta kerabat baginda sempena Hari Raya Aidiladha bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

Bagi Daerah Tutong, pengagihan daging-daging berkenaan dilaksanakan di dua buah lokasi iaitu di Dewan Seri Kenangan, Pekan Tutong dan Balai Raya Mukim Lamunin di mana ia diagihkan kepada ketua-ketua kampung mengikut zon masing-masing dan kemudiannya diserahkan kepada



**DAYANG** Noraini binti Abdullah.

para penerima yang layak.

Salah seorang penerima, Awang Salleh bin Haji Ajak, 73 tahun dari Kampung Layong, Mukim Lamunin, melahirkan rasa berbesar hati dan bersyukur kerana masih berpeluang menerima

sumbangan berkenaan yang sedikit sebanyak membantu keperluan keluarganya.

Beliau menyifatkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai seorang raja yang sangat pengasih lagi penyayang kepada rakyat baginda di negara ini.

"Alhamdulillah, saya menjunjung kasih atas pengurniaan daging ibadah korban ini dan memanjatkan doa agar Allah Subhanahu Wata'ala akan memanjangkan usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kekal karar memerintah negara," ujarnya ketika ditemui selepas menerima agihan daging korban di Balai Raya Mukim Lamunin.

Sementara itu, seorang lagi penerima, Dayang Noraini binti Abdullah, 63 tahun dari Kampung Kuala Ungar Mukim Rambai turut menzahirkan rasa gembira dan bersyukur atas pengurniaan daging ibadah korban berkenaan. Sumbangan seumpama itu tambahnya adalah sangat bermakna buat beliau sekeluarga, lebih-lebih lagi dalam membantu dari segi keperluan makanan.

"Terima kasih khusus buat Kebawah Duli Yang Maha Mulia berserta kerabat baginda, semoga baginda terus diberikan kesihatan yang sempurna," ujarnya mendoakan kesejahteraan buat raja yang dikasihi.

Juga mengongsikan kegembiraan ialah Awang Md. Khairul Azmi bin Abdullah, 60 tahun yang hadir bagi mewakili anak beliau dari Kampung Bang Guru Merimbun bagi penerimaan agihan daging korban berkenaan.

Beliau menjunjung kasih Kehadapan Majlis baginda di atas pengurniaan tersebut serta berharap baginda dan keluarga akan sentiasa hidup dalam kesejahteraan dan sentiasa dalam rahmat Allah Subhanahu Wata'ala.



**AWANG** Md. Khairul Azmi bin Abdullah dan Awang Salleh bin Haji Ajak (kiri dan kanan).

## Jemaah haji DSSB laksanakan melontar jamrah

Siaran Akhbar dan Foto : Darussalam Services Sdn. Bhd.



**JEMAAH** haji Darussalam Services Sdn. Bhd. meneruskan pelaksanaan ibadah haji di Mina dengan melaksanakan ibadah melontar jamrah mengikut jadual yang telah ditetapkan (atas dan bawah).



**MINA**, Khamis, 28 Mei. - Jemaah haji Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB), hari ini, meneruskan pelaksanaan ibadah haji di Mina dengan melaksanakan ibadah melontar jamrah mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan, selaras dengan keadaan semasa demi memastikan kelancaran serta keselamatan jemaah.

Pelaksanaan ibadah melontar jamrah bagi jemaah DSSB bermula pada 10 Zulhijah dengan melontar Jamratul Aqabah, seterusnya melaksanakan lontaran bagi ketiga-tiga jamrah pada 11 dan 12 Zulhijah.

Sepanjang berada di Mina, jemaah turut diisikan dengan pelbagai aktiviti kerohanian termasuk sesi halaqah dan tadarus Al-Quran bagi meningkatkan penghayatan ibadah.

Pada malam terakhir, DSSB turut mengadakan Majlis Khatam Al-Quran, Takhtim serta Doa Kesyukuran sebagai menzahirkan rasa syukur atas kelancaran pelaksanaan ibadah dalam suasana penuh khusyuk dan harmoni.

Pengisian tersebut bukan sahaja memberi peluang kepada para jemaah untuk memperkukuhkan hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala, malah turut memupuk semangat ukhuwah, kebersamaan dan sokongan sesama jemaah sepanjang berada di Tanah Suci.

Pihak DSSB amat menghargai kesabaran, kerjasama dan komitmen para jemaah dalam mematuhi segala arahan serta menyempurnakan ibadah haji dengan tertib dan teratur. DSSB juga menzahirkan penghargaan kepada pihak berkuasa Arab Saudi atas usaha berterusan dalam memastikan keselamatan, kebajikan dan kelancaran pergerakan semua jemaah haji.

Semoga segala usaha, pengorbanan dan ibadah yang dilaksanakan oleh para jemaah diterima Allah Subhanahu Wata'ala serta dikurniakan haji yang mabrur.

## Pengagihan daging korban cerminkan sikap prihatin baginda

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

**AWANG** Sipul bin Haji Gomban.

yang kurang berkemampuan turut berpeluang menikmati rezeki yang dikongsi bersama sekali gus mengeratkan hubungan silaturahmi sesama penduduk.

Menurut salah seorang penerima agihan daging korban sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Dayang Siti Marianti binti Abd. Rahman melahirkan rasa syukur dan penghargaan kerana mendapat perhatian oleh yang berwajib dalam pemberian daging korban.

Beliau yang berasal dari Kampung Negalang Ering juga melahirkan rasa syukur kerana berpeluang menikmati pemberian daging korban buat kali keempat sempena Hari Raya Aidiladha.

Dayang Siti Marianti seterusnya mendoakan agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

**DAYANG** Siti Marianti binti Abd. Rahman

Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dikurniakan kesihatan yang berpanjangan, dilanjutkan usia dan sentiasa di bawah lindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Manakala bagi Awang Sipul bin Haji Gomban dari Kampung Negalang Ering turut menjunjung kasih Kehadapan Majlis baginda berdua dan melahirkan rasa syukur atas pengurniaan tersebut.

"Alhamdulillah, tahun ini terpilih semula untuk menerima daging korban bersempena Hari Raya Aidiladha," jelasnya. Menurutnya lagi, pengorbanan yang dilakukan pada Hari Raya Aidiladha ini merupakan sesuatu yang dituntut dan sangat sinonim dengan suasana sambutan yang penuh keinsafan dan kesyukuran.

Selaku rakyat Negara Brunei Darussalam jelasnya lagi, kita patut mensyukuri dan menyanjung keprihatinan dan kebajikan baginda yang sentiasa memedulikan rakyatnya. Beliau juga mendoakan agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat diraja sentiasa dalam keadaan sihat sejahtera, dilanjutkan usia serta baginda kekal karar memerintah negara.



**TEMBURONG**, Khamis, 28 Mei. - Pengagihan daging korban sempena Hari Raya Aidiladha menjadi amalan mulia yang melambangkan sikap keprihatinan dan tanggungjawab terhadap masyarakat yang berhak menerimanya.

Melalui amalan ini, golongan





## Penggunaan tembakau menjejaskan kesihatan

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland  
Ilustrasi : Amdelah Haji Tujoh

SETIAP tahun pada 31 Mei, masyarakat dunia menyambut Hari Tanpa Tembakau Sedunia sebagai usaha meningkatkan kesedaran tentang bahaya penggunaan tembakau terhadap kesihatan manusia, ekonomi dan alam sekitar. Sambutan ini diperkenalkan oleh World Health Organization (WHO) sejak tahun 1987 bagi menggalakkan masyarakat antarabangsa mengambil langkah lebih serius dalam mengurangkan penggunaan produk tembakau dalam kalangan rakyat.

Penggunaan tembakau, khususnya rokok, merupakan antara punca utama pelbagai penyakit kronik dan kematian pramatang di seluruh dunia. Walaupun pelbagai kempen kesedaran telah dijalankan, masih ramai individu, terutama golongan belia, terjebak dengan tabiat merokok akibat pengaruh rakan sebaya, media sosial dan persekitaran. Keadaan ini amat membimbangkan kerana ketagihan nikotin bukan sahaja menjejaskan kesihatan individu, malah memberi kesan kepada keluarga dan masyarakat.

Hari Tanpa Tembakau Sedunia bukan sekadar sambutan tahunan, tetapi merupakan platform penting untuk mendidik masyarakat mengenai kesan buruk tembakau. Melalui pelbagai program kesedaran, taklimat kesihatan dan pameran, masyarakat didedahkan dengan fakta mengenai bahaya merokok serta kepentingan mengamalkan gaya hidup sihat tanpa tembakau.

### Kesan tembakau terhadap kesihatan

Tembakau mengandungi ribuan bahan kimia berbahaya yang boleh menyebabkan pelbagai penyakit serius seperti kanser paru-paru, penyakit jantung, strok dan masalah pernafasan. Selain itu, asap rokok turut memberi kesan kepada perokok pasif yang terdedah kepada asap rokok secara tidak langsung. Kanak-kanak dan warga emas merupakan golongan paling berisiko mengalami masalah kesihatan akibat pendedahan kepada asap rokok di rumah atau di tempat awam.

Rokok elektronik atau *vape* pula tidak pernah dinilai dan diluluskan oleh

mana-mana agensi kawal selia antarabangsa sebagai alat bantuan berhenti merokok. Produk tersebut juga mungkin mengandungi bahan berbahaya yang boleh menjejaskan kesihatan serta belum terjamin keselamatan penggunaannya. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), masih belum terdapat kajian saintifik yang mencukupi untuk membuktikan rokok elektronik atau *vape* sebagai alat bantuan berhenti merokok. Pada masa ini, belum ada satu pun produk *vape* yang berdaftar dan dilesenkan secara rasmi sebagai alat bantuan berhenti merokok.

Selain rokok biasa, penggunaan rokok elektronik atau *vape* juga semakin mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat, khususnya belia. Ramai beranggapan bahawa *vape* lebih selamat berbanding rokok biasa, sedangkan produk tersebut masih mengandungi nikotin dan bahan kimia yang boleh memudaratkan kesihatan. Penggunaan *vape* secara berlebihan boleh menyebabkan ketagihan serta memberi kesan negatif terhadap sistem pernafasan dan perkembangan otak golongan remaja,

### Kesan tembakau terhadap ekonomi dan alam sekitar

Selain menjejaskan kesihatan, penggunaan tembakau turut memberi kesan kepada ekonomi individu dan negara. Perokok perlu membelanjakan sejumlah wang setiap hari untuk membeli rokok, dan dalam jangka masa panjang, perbelanjaan tersebut boleh menjadi sangat besar. Wang yang digunakan untuk membeli rokok sebenarnya boleh dimanfaatkan bagi keperluan yang lebih bermanfaat dan berguna untuk keluarga, pendidikan anak-anak atau simpanan masa depan.

Dari sudut alam sekitar pula, sisa potong rokok merupakan antara bahan buangan yang paling banyak mencemarkan kawasan awam. Potong rokok yang dibuang merata-rata boleh mencemarkan sungai, laut dan tanah kerana mengandungi bahan toksik yang sukar terurai. Selain itu, asap rokok turut mencemarkan udara dan menjejaskan kualiti persekitaran.

### Mengapa penting untuk berhenti merokok?

Berhenti merokok amat penting kerana tabiat ini memberi kesan buruk bukan sahaja kepada kesihatan diri sendiri, malah turut menjejaskan keluarga, masyarakat dan ekonomi negara. Walaupun sesetengah perokok menganggap rokok sebagai cara untuk mengurangkan tekanan, hakikatnya kandungan bahan kimia berbahaya di dalam rokok boleh membawa pelbagai risiko kesihatan yang serius.

Antara sebab utama mengapa kita perlu berhenti merokok ialah untuk menjaga kesihatan tubuh badan. Rokok mengandungi ribuan bahan kimia beracun seperti nikotin, tar dan karbon monoksida. Bahan-bahan ini boleh merosakkan paru-paru dan meningkatkan risiko penyakit kronik seperti kanser paru-paru, penyakit jantung, strok dan masalah pernafasan. Selain itu, merokok juga menyebabkan seseorang mudah penat dan kurang cergas dalam menjalani aktiviti harian.

Di samping itu, berhenti merokok dapat melindungi orang di sekeliling daripada bahaya asap rokok. Perokok pasif, terutama kanak-kanak dan warga emas, turut berisiko mengalami masalah kesihatan akibat menghidu asap rokok. Kanak-kanak yang terdedah kepada asap rokok lebih mudah mendapat batuk, asma dan jangkitan paru-paru. Oleh itu, berhenti merokok merupakan langkah penting untuk menjaga kesejahteraan keluarga dan masyarakat.

### Sokongan kepada Individu yang ingin berhenti merokok

Hari Tanpa Tembakau Sedunia juga memberi peluang kepada perokok untuk memulakan langkah berhenti merokok. Walaupun proses berhenti merokok bukan sesuatu yang mudah, namun dengan sokongan keluarga, rakan-rakan dan bantuan profesional, usaha tersebut mampu berjaya. Banyak pusat kesihatan menyediakan program kaunseling dan bantuan berhenti merokok bagi membantu individu mengatasi ketagihan nikotin secara berperingkat.

Selain mendapatkan rawatan dan kaunseling, individu yang ingin berhenti

merokok juga boleh mengamalkan gaya hidup sihat seperti bersenam, menjaga pemakanan dan melibatkan diri dalam aktiviti berfaedah bagi mengurangkan keinginan untuk merokok. Sokongan moral daripada ahli keluarga dan rakan-rakan amat penting supaya individu tersebut lebih bersemangat untuk meneruskan usaha berhenti merokok.

### Peranan ibu bapa dan institusi pendidikan

Golongan remaja perlu diberikan pendidikan awal mengenai bahaya tembakau agar mereka tidak mudah terpengaruh dengan budaya merokok. Peranan ibu bapa dan institusi pendidikan amat penting dalam membentuk kesedaran serta nilai hidup sihat dalam diri anak-anak. Ibu bapa perlu menjadi contoh terbaik dengan tidak merokok di hadapan anak-anak, manakala pihak sekolah boleh melaksanakan program kesedaran kesihatan secara berterusan bagi mendidik pelajar tentang risiko penggunaan tembakau.

Masyarakat juga perlu menyedari bahawa usaha mengurangkan penggunaan tembakau memerlukan kerjasama semua pihak. Kerajaan, institusi pendidikan, keluarga, media dan masyarakat umum perlu berganding bahu dalam memperkukuhkan kesedaran tentang bahaya tembakau. Sikap saling mengingatkan dan menyokong individu yang ingin berhenti merokok juga penting dalam mewujudkan komuniti yang lebih sihat dan bebas asap rokok.

### Kesimpulan

Hari Tanpa Tembakau Sedunia merupakan satu inisiatif penting dalam meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kesan buruk tembakau terhadap kesihatan, ekonomi dan alam sekitar. Sambutan ini bukan sahaja bertujuan menggalakkan perokok berhenti merokok, malah mendidik generasi muda agar menjauhi tabiat tersebut sejak awal lagi. Dengan komitmen dan kerjasama semua pihak, hasrat melahirkan masyarakat yang sihat, produktif dan bebas daripada pengaruh tembakau mampu direalisasikan demi kesejahteraan generasi masa depan.



## Luahan syukur Dhuyufurrahman di Tanah Suci

Oleh : Nurdiyana Rajami

Foto : Ihsan Darussalam Services Sendirian Berhad, Dayang Nur Amrina Awang Kasim, Dayang Nor Asizah Awang Haji Puting

**R**EZEKI, jodoh, dan kematian sudah ditakdirkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala, dan akan tetap menjadi rahsia-Nya. Begitulah juga apabila sudah tertulis rezeki sebagai Dhuyufurrahman atau tetamu Allah, maka tiada apa-apa yang dapat menghalanginya. Tidak kira usia tua atau muda, sakit atau sihat, jika nama sudah dicatat sebagai tetamu Allah, maka mereka sampai ke Tanah Suci jua.

Ibarat rezeki yang ditentukan oleh-Nya, walau sebesar mana pun cabaran yang dihadapi, apabila ia sudah tertulis, maka rezeki itu tetap akan menjadi milik kita sebagai makhluk yang menumpang kasih di bumi sementara ini.

### Keagungan Kaabah menyentuh hati

Dijemput menjadi tetamu Allah melaksanakan tuntutan terakhir Rukun Islam ke-5 iaitu menunaikan ibadah haji merupakan satu anugerah terindah yang tiada ternilai bagi sesiapa yang benar-benar menjiwai dan menghayati erti ibadah ke Kota Suci Madinah Al-Munawwarah dan Mekah Al-Mukarramah.

Perasaan penuh kesyukuran itulah antara yang diungkapkan oleh salah seorang jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD), Dayang Nur Amrina binti Awang Kasim yang pertama kali menjejakkan kaki ke Tanah Suci bagi mengerjakan ibadah haji bersama tiga adik-beradik beliau pada tahun ini semasa ditemu bual Pelita Brunei menerusi dalam talian, baru-baru ini.

"Pertama kali mengerjakan ibadah haji pastinya perasaan saya bercampur-baur, terharu dan bersyukur apabila pertama kali sampai di bumi Madinah. Allahu! Satu rezeki yang tidak disangka-sangka Allah mengizinkan sampai ke sini.

"Hati berkata, layakkah saya yang banyak dosa dan khilaf ini untuk merasa mengerjakan umrah dan haji untuk pertama kalinya? Tapi alhamdulillah, saya yakinkan hati, Allah panggil ke sini mungkin sebagai titik permulaan untuk menjadi hamba Allah yang lebih baik," luah insan berusia 36 tahun ini.

Dayang Nur Amrina juga mengongsikan pengalaman sepanjang perjalanan dari Madinah ke Mekah selama kira-kira lapan jam menggunakan bas bersama rombongan yang lain, beliau rela menahan lelap agar dapat menyaksikan keindahan bumi di mana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memperjuangkan agama Islam.

"Bila tiba di Masjidil Haram, melihat Kaabah yang selama ini hanya dilihat di kaca televisyen, gambar, dan tikar sembahyang, tiba-tiba ada di depan mata, Allahu Akbar! Memang air mata mengalir dan terasa kecilnya diri ini. Alangkah indahnya, kalau

babu dan bapa dapat ikut sama merasakan perasaan dan pengalaman ini," ucapnya tulus.

Beliau yang mengikuti pakej haji di bawah agensi Darussalam Services Sendirian Berhad (DSSB) turut merakamkan ucapan Selamat Hari Raya Aidiladha kepada kedua ibu bapa dan ahli keluarga yang dikasihi dan dirindui serta seluruh umat Islam di mana pun berada.

"Didoakan semoga para jemaah haji NBD selamat sempurna melaksanakan ibadah haji, semoga segala amalan yang telah kita semua lakukan sepanjang keberadaan di sini diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala sepenuhnya. Semoga kita semua sentiasa istiqamah dalam menjalankan ibadah apabila sudah balik ke tanah air nanti. Segala doa, impian dan harapan yang kita semua panjatkan dikabulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

"Dengan penuh harapan dan doa tulus, semoga ada lagi undangan daripada Allah Subhanahu Wata'ala untuk datang ke Tanah Suci di masa akan datang bersama seluruh keluarga dengan kesihatan, kudrat dan stamina yang mengizinkan, Aamiin Aamiin Ya Rabb," ucapnya yang menetap di Kampung Tanjung Bunut sebelum menutup kata-katanya.

### Sentiasa segar dalam ingatan

Sementara itu, kesyukuran yang tiada

terhingga kepada Allah Subhanahu Wata'ala menjadi tetamu Allah buat pertama kali bersama suami tercinta turut diluahkan oleh salah seorang jemaah haji yang menetap di Kampung Mentiri, Dayang Nor Asizah binti Awang Haji Puting.

Menunaikan ibadah haji pada usia 39 tahun ini sememangnya suatu kenangan yang begitu manis yang sentiasa segar dalam ingatannya. Setibanya di Kota Suci Madinah dan juga Mekah, perasaan terharu, gembira dan rindu terus mewarnai hari-hari beliau bersama suami dan para rombongan yang lain kerana dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua dapat menyaksikan sendiri keagungan Masjid Nabawi dan Masjidil Haram.

"Alhamdulillah, Allah mengizinkan kami untuk ziarah makam Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta dua sahabat dan khalifah agung, Sayiddina Abu Bakar dan Sayiddina Umar, dan juga ziarah Raudhah. Perasaan yang sukar digambarkan dengan kata-kata sepenuhnya," luahnya yang turut berpeluang mengunjungi tempat-tempat penuh bersejarah dalam lembaran Islam seperti Masjid Quba dan Jabal Uhud.

Dayang Nor Asizah turut menyatakan sudah setentunya hati dan jiwanya sentiasa 'jatuh cinta' dengan setiap detik perjalanan menyahut seruan Ilahi di kedua-dua Tanah Suci itu yang sangat memberi kesan pada diri dan para tetamu Allah lainnya tentang erti kehambaan dengan hanya bergantung sepenuhnya kepada Yang Maha Esa demi menggapai keredaan-Nya di dunia dan akhirat.

"Selamat Hari Raya Aidiladha buat anakanda yang dikasihi yang sentiasa dalam ingatan dan doa kami, Dayang Nur Alfathiyah binti Muhammad Abul Auni, semua keluarga Awang Haji Puting bin Damit dan keluarga Lambak Kiri 57, Awang Haji Mustapa bin Haji Abd. Kahar, saudara mara, guru-guru kami, indung petuan dan sahabat handai serta semua yang mengenali kami suami isteri, maaf zahir dan batin, mohon maaf andai ada kesalahan kami yang sengaja mahupun yang tidak sengaja. Semoga kita semua sentiasa dalam keadaan sihat sejahtera di bawah perlindungan dan kasih sayang Allah Subhanahu Wata'ala.

"Semoga Allah Subhanahu Wata'ala melimpahkan rezeki, umur dan kesihatan serta diberikan peluang kepada kita semua untuk menjadi tetamu-Nya suatu hari nanti bersama insan-insan tersayang. Apa yang pasti inilah satu kenangan yang akan diabadikan untuk selamanya selagi hayat di kandungan badan," ucapnya dengan penuh harapan.

Tahniah dan selamat kembali ke tanah air yang tercinta kepada para jemaah haji NBD dalam beberapa hari lagi. Dengan iringan doa, semoga ibadah haji yang dilaksanakan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan dianugerahi haji yang mabrur serta sentiasa istiqamah dalam meningkatkan keimanan dan mengerjakan amal kebajikan. Justeru, marilah kita sentiasa memanjatkan doa kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar memperolehi rezeki teristimewa untuk menjejakkan kaki di bumi Mekah dan Madinah sebelum kita kembali menemui-Nya.



# Lawatan dedahkan pelajar peranan, fungsi BKISHHB



PARA guru dan pelajar dari Sekolah Rendah Lamunin, Kluster 5 semasa mengadakan lawatan ke Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 27 Mei. - Seramai 74 orang dari Sekolah Rendah Lamunin, Kluster 5 yang terdiri daripada 14 guru dan 60 murid telah mengadakan lawatan ke Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB), di sini.

Rombongan yang membawa murid-murid dari prasekolah hingga Tahun 6 sekolah berkenaan diketuai oleh Guru Besar sekolah

berkenaan, Dayang Rozyta binti Haji Kepli.

Sejurus hadir ke BKISHHB, rombongan dialu-alukan dan seterusnya dibawa ke galeri pameran sambil diterangkan oleh Pemangku Pegawai Pameran, Awang Mohd. Azrin bin Mohd. Yassin.

Lawatan berkenaan merupakan program untuk menambahkan lagi pengetahuan tentang sejarah Islam

dan juga Negara Brunei Darussalam (NBD) serta salah satu aktiviti sebelum menjalani cuti persekolahan penggal kedua yang akan bermula tidak lama lagi.

BKISHHB yang dahulunya dikenali sebagai Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BPISHHB) dibuka rasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Ihsan Asrul Fadli Kasli, Hajah Siti Mardiah Haji Mashor

Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 28 Jamadilakhir 1422 Hijrah bersama 18 Ogos 2001 Masihi bersempena dengan Ekspo Islam Antarabangsa Pertama di NBD.

Pameran bahan koleksi pada masa berkenaan ditempatkan di Bangunan Darul Ifta' Brunei Darussalam.

Adapun peranan BKISHHB pada masa ini adalah antaranya mengumpul dan menyimpan khazanah warisan Islam, memelihara dan memulihara khazanah warisan Islam, mempamerkan khazanah warisan Islam secara ilmiah, melaksanakan aktiviti kajian dan penyelidikan dan menyebarkan ilmu melalui jalsah ilmiah, penyelidikan, penulisan, penterjemahan dan pembelajaran.

BKISHHB dapat diertikan sebagai satu tempat menyimpan dan mempamerkan bahan koleksi Islam milik peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Adapun koleksi khazanah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merangkumi hampir 1,000 tahun artifak. Galeri berkenaan dibahagikan kepada sembilan bahagian termasuk Galeri 1 : Kebestarian Raja; Galeri 2 : Mushaf; Galeri 3 : Rambut Mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam; Galeri 4 : Athar Sahabat; Galeri 5 : Warisan Ilmu I; Galeri 6 : Warisan Ilmu II; Galeri 7 : Tanda-tanda Kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala; Galeri 8 : Astronomi; dan Galeri 9 : Kesenian Islam - Tongkat dan Tasbih serta Taman Herba dan Galeri Istimewa yang terdapat di BKISHHB.

Galeri BKISHHB dibukakan setiap hari dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang (kemasukan terakhir jam 4.00 petang) kecuali Jumaat (tutup) begitu juga dengan kaunter tiket yang beroperasi dari jam 9.00 pagi sehingga 3.00 petang.

Selain itu, BKISHHB juga dibukakan semasa Cuti-cuti Kelepasan Awam kecuali hari pertama di bulan Ramadan, tiga hari awal Hari Raya Aidilfitri dan sambutan Hari Raya Aidiladha (10 Zulhijah).

## IHP APRIL 2026 MENINGKAT 0.1 PERATUS

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 27 Mei. - Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi bulan April 2026 meningkat sebanyak 0.1 peratus berbanding bulan April 2025, terutamanya didorong oleh peningkatan sebanyak 0.8 peratus bagi Indeks Makanan dan Minuman Ringan. Manakala

Indeks Bukan Makanan mencatatkan penurunan sebanyak 0.1 peratus.

Peningkatan Indeks Makanan dan Minuman Ringan adalah terutamanya disumbangkan oleh kenaikan harga-harga daging (2.4 peratus), khususnya ayam segar; ikan dan makanan laut (2.9

peratus), terutamanya ikan dan udang segar; dan kopi, teh dan koko (5.5 peratus).

Bagi Indeks Bukan Makanan, penurunan adalah terutamanya disumbangkan oleh harga-harga perhubungan (3.4 peratus), khususnya pakej perkhidmatan internet; rekreasi dan kebudayaan (1.2 peratus), iaitu kos langganan bulanan penstriman media atas talian; dan pelbagai barangan dan perkhidmatan (0.5 peratus), terutamanya insurans kenderaan.

Bagi perbandingan bulan-ke-bulan, IHP April 2026 meningkat sebanyak 0.5 peratus berbanding bulan Mac 2026, terutamanya didorong oleh peningkatan sebanyak 0.7 peratus bagi Indeks Bukan Makanan. Manakala Indeks Makanan dan Minuman Ringan mencatatkan penurunan sebanyak 0.1 peratus.

Peningkatan Indeks Bukan Makanan adalah terutamanya disumbangkan oleh peningkatan harga pakaian dan kasut (9.8 peratus); pengangkutan (0.7 peratus); dan rekreasi dan kebudayaan (0.5 peratus). Manakala penurunan Indeks Makanan dan Minuman Ringan adalah terutamanya disumbangkan oleh penurunan harga-harga sayur-sayuran (3.7 peratus); ikan dan makanan laut (1.1 peratus); dan minyak dan lemak (0.4 peratus).

IHP mengukur perubahan harga bakul barangan dan perkhidmatan tetap yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan.

Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperoleh melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan April 2026 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui [deps.mofe.gov.bn](http://deps.mofe.gov.bn).

## Sebuah tapak kerja pembinaan dikenakan denda kompaun

Siaran Akhbar dan Foto : Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 27 Mei. - Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) mengumumkan bahawa tindakan penguatkuasaan telah diambil berikutan satu pemeriksaan yang dijalankan di sebuah tapak kerja pembinaan yang terletak di Kampung Sungai Sulok, Mukim Bangar, Temburong.

Tindakan penguatkuasaan berkenaan adalah berkaitan dengan kegagalan untuk mematuhi Peraturan 4, Penyediaan Peti Pertolongan Cemas di bawah Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja (Pertolongan Cemas).

Sehubungan dengan itu, satu denda kompaun berjumlah BND500 telah dikenakan dan telah diselesaikan sepenuhnya.

Susulan daripada pemeriksaan berkenaan, pihak yang bertanggungjawab ke atas premis berkenaan telah mengambil langkah-langkah pembetulan yang perlu bagi menangani ketidakpatuhan yang dikenal pasti.


SHENA menegaskan dan menyarankan semua pihak bahawa pematuhan terhadap Akta Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja, Bab 277 serta peraturan-peraturan subsidiarinya adalah diwajibkan pada setiap masa.

Mana-mana *occupier* yang bertanggungjawab ke atas premis yang gagal mematuhi Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja (Pertolongan Cemas) adalah melakukan suatu kesalahan dan, jika disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi BND5,000.

SHENA akan terus menjalankan pemeriksaan dan mengambil tindakan penguatkuasaan yang sesuai mengikut peruntukan undang-undang bagi melindungi pekerja, orang awam dan alam sekitar.



SHENA akan terus menjalankan pemeriksaan dan mengambil tindakan penguatkuasaan yang sesuai mengikut peruntukan undang-undang bagi melindungi pekerja, orang awam dan alam sekitar.



# PLATFORM MEMPERKASA USAHAWAN TEMPATAN

Oleh : Aimi Sani

Foto : Azmah Haji Ahad



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 27 Mei. - Brunei Local Food Festival yang diadakan di kawasan letak kereta sekitar Stadium Negara Hassanal Bolkiah membuka tirainya selama lima hari bermula 27 Mei 2026 hingga 31 Mei 2026, dari jam 3.00 petang hingga 11.00 malam, dengan penyertaan lebih daripada 50 vendor tempatan yang

menawarkan pelbagai jenis makanan dan minuman hasil air tangan usahawan negara ini.

Festival berkenaan dianjurkan oleh Starbugs Event Management dengan kerjasama Mijanbear dan Hamdee, bertujuan sebagai platform untuk mempromosi makanan tempatan, di samping menyokong Perusahaan Kecil dan

**SEKITAR** Brunei Local Food Festival yang diadakan di kawasan letak kereta sekitar Stadium Negara Hassanal Bolkiah (kanan dan kiri).

Sederhana (PKS).

Selain itu, acara berkenaan turut bertujuan untuk memperkukuh budaya dan semangat komuniti melalui pengalaman kuliner yang menghimpunkan pelbagai cita rasa tradisional dan moden Negara Brunei Darussalam.

Pengunjung turut berpeluang menikmati aneka hidangan tempatan sambil menyokong para peniaga tempatan yang mengambil bahagian sepanjang festival berlangsung.

Pihak penganjur menzahirkan harapan agar Brunei Local Food Festival akan terus mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai pada masa akan datang.

Acara seumpama berkenaan dapat memainkan peranan penting dalam mempromosi makanan tempatan, menyokong pertumbuhan ekonomi kecil, serta memelihara warisan budaya negara melalui industri makanan.



## PPDB tumpaskan aktiviti penyeludupan barang tegahan



**HASIL** pemeriksaan mendapati beberapa kotak plastik yang mengandungi barang-barang tegahan terdiri daripada 384 tin dan 234 botol minuman keras pelbagai jenama, 60 kilogram buntut ayam serta 165 karton rokok pelbagai jenis (atas dan bawah).

**Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

**TEMBURONG**, Rabu, 27 Mei. - Balai Polis Bangar, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah berjaya menumpaskan aktiviti penyeludupan barang tegahan hasil maklumat yang diterima daripada orang awam.

Pada sebelah pagi, anggota balai telah menerima maklumat mengenai aktiviti mencurigakan di kawasan Sungai Radang, Selapan Daerah Temburong dan pemeriksaan segera telah dijalankan di lokasi berkenaan.

Hasil pemeriksaan mendapati beberapa kotak plastik yang mengandungi barang-barang tegahan terdiri daripada 384 tin dan 234 botol minuman keras pelbagai jenama, 60 kilogram (kg) buntut ayam serta 165 karton rokok pelbagai jenis.

Kesemua barang tegahan telah diserahkan kepada pihak Jabatan Kastam Eksais Diraja (JKED) untuk siasatan serta tindakan lanjut.

PPDB merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada orang awam atas kerjasama serta penyaluran maklumat yang telah membantu pihak berkuasa dalam membanteras kegiatan yang menyalahi undang-undang.

Orang ramai adalah diseru untuk terus menyalurkan sebarang maklumat berkaitan aktiviti mencurigakan kepada pihak berkuasa bagi memastikan keselamatan, keamanan dan kesejahteraan negara sentiasa terpelihara.



## Sentiasa peka, berwaspada terhadap taktik penipuan dalam talian



**BAHAGIAN** Siasatan Jenayah Siber, Pasukan Polis Diraja Brunei baru-baru ini dijemput untuk menyampaikan taklimat bertajuk 'Penipuan Dalam Talian' sempena Kursus Persediaan Kenaikan Pangkat Penolong Penguasa Bomba dan Penyelamat (atas dan bawah).

**Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 27 Mei. - Bahagian Siasatan Jenayah Siber (BSJS), Pasukan

Polis Diraja Brunei (PPDB), baru-baru ini telah dijemput untuk menyampaikan taklimat bertajuk

'Penipuan Dalam Talian' sempena Kursus Persediaan Kenaikan Pangkat Penolong Penguasa Bomba dan Penyelamat yang diadakan di Pusat Latihan Bomba dan Penyelamat, Lambak Kanan.

Taklimat berkenaan telah dihadiri oleh seramai 29 peserta yang terdiri daripada 12 peserta kursus serta 17 warga dari Pusat Latihan dan Balai Bomba, Lambak Kanan.

Taklimat telah disampaikan oleh Ketua Inspektor Adinin bin Haji Ahmad yang menekankan mengenai ancaman penipuan dalam talian serta tindakan yang perlu diambil apabila menerima sebarang maklumat yang meragukan, termasuk segera membuat laporan melalui Talian Bantu Penipuan Dalam Talian 16993.

Melalui sesi taklimat berkenaan, diharapkan para peserta akan lebih peka dan berwaspada terhadap pelbagai taktik penipuan dalam talian yang semakin berkembang.



# 4 DARIPADA 10 RAKYAT REPUBLIK KOREA GUNA AI GENERATIF PADA 2025 - TINJAUAN



SEOUL, 28 Mei. - Empat daripada 10 rakyat Republik Korea berkata mereka menggunakan Kecerdasan Buatan (AI) generatif tahun lalu manakala kebimbangan terhadap kesan negatif AI turut meningkat berbanding tahun sebelumnya, menurut tinjauan kerajaan yang dikeluarkan pada Khamis, lapor Yonhap News.

Menurut dapatan terkini, 38.9 peratus responden berkata mereka mempunyai pengalaman menggunakan AI generatif seperti ChatGPT pada 2025, meningkat 14.9 mata peratusan berbanding tahun sebelumnya, sekali gus mencatat peningkatan untuk tahun ketiga berturut-turut. Purata masa harian yang

dihabiskan menggunakan perkhidmatan AI generatif ialah 49.6 minit, dengan lebih 60 peratus responden menyatakan mereka menggunakan teknologi itu melebihi 30 minit sehari secara purata, menurut tinjauan itu. Manfaat AI generatif yang paling banyak disebut ialah fungsi carian maklumat, diikuti sokongan dalam pengurusan masa dan pendidikan. Responden juga dilihat semakin bimbang terhadap kesan

sampingan AI berbanding tahun sebelumnya. Peratusan individu yang percaya AI boleh digunakan untuk menyebarkan maklumat palsu meningkat 9.6 mata peratusan tahun ke tahun, manakala peratusan mereka yang bimbang AI digunakan dalam jenayah meningkat sembilan mata peratusan berbanding tahun lalu. Kerumitan teknikal merupakan halangan paling utama yang disebut oleh mereka yang tidak

menggunakan AI generatif, diikuti kos langganan dan kebimbangan terhadap privasi, menurut tinjauan itu lagi. Tinjauan itu dijalankan ke atas 4,324 individu berusia antara 18 hingga 72 tahun yang mengakses Internet melalui telefon pintar. Ia dikendalikan oleh Suruhanjaya Media dan Komunikasi Korea serta Institut Pembangunan Masyarakat Maklumat Korea. - ©BERNAMA

## Angka korban bangunan runtuh dalam pembinaan di Republik Filipina meningkat kepada 5, 16 masih hilang

MANILA, 28 Mei. - Angka korban akibat runtuhannya sebuah bangunan yang sedang dalam pembinaan di Wilayah Pampanga, utara Republik Filipina, meningkat kepada lima orang, menurut pihak berkuasa

pada Rabu, lapor Xinhua. Pejabat Penerangan Angeles City memaklumkan bahawa pasukan penyelamat sedang dalam proses mengeluarkan satu lagi mayat dari bawah runtuhannya dengan berhati-hati selepas

seekor anjing pengesanan kedudukan mangsa pada kira-kira 6.18 petang. Sekurang-kurangnya 16 orang masih dilaporkan hilang selepas struktur berkenaan runtuh sebelum pukul 3 pagi pada 24

Mei. Setakat ini, seramai 26 orang telah berjaya diselamatkan. Pasukan kecemasan terus

mempertingkatkan usaha menyelenggara sisa runtuhannya berkenaan pada Rabu. - ©BERNAMA

## Jepun lulus undang-undang tubuh Majlis Perisikan Kebangsaan

TOKYO, 27 Mei. - Parlimen Jepun pada Rabu meluluskan undang-undang bagi menubuhkan Majlis Perisikan Kebangsaan, lapor Xinhua.

Undang-undang itu diluluskan ketika Perdana Menteri, Sanae Takaichi berhasrat memusatkan dan memperkukuh keupayaan perisikan negara itu.

Kerajaan Jepun merancang menubuhkan sistem perisikan berteraskan Majlis Perisikan Kebangsaan, dengan Biro Perisikan Kebangsaan sebagai badan operasinya, bagi menyatukan fungsi perisikan negara yang sebelum ini berpecah-belah.

Di bawah undang-undang baharu itu, Majlis Perisikan Kebangsaan akan dipengerusikan oleh perdana menteri dan dianggotai anggota Kabinet berkaitan, termasuk Ketua Setiausaha Kabinet dan Menteri

Luar. Biro Perisikan Kebangsaan, selaku sekretariat majlis itu akan menyelaras secara menyeluruh kerja-kerja perisikan merentas kementerian dan agensi kerajaan.

Kyodo News melaporkan bahawa undang-undang baharu itu kekurangan peruntukan bagi pengawasan Parlimen terhadap kegiatan perisikan, sekali gus menimbulkan persoalan mengenai akauntabiliti demokratik.

Menurut media tempatan, kerajaan boleh menubuhkan majlis dan biro itu seawal Julai.

Undang-undang itu, yang diluluskan Dewan Ahli Majlis pada Rabu dan Dewan Perwakilan pada April, terus mencetuskan kebimbangan meluas dalam masyarakat Jepun.

Bantahan terhadap undang-undang itu diadakan berulang kali di Tokyo, termasuk pada Selasa.

Penyelidik pelawat di Universiti Meiji di Jepun, Atsushi Koketsu berpendapat sistem perisikan baharu itu boleh menyebabkan pertukaran awam antara Jepun dan negara jirannya tertakluk kepada pemantauan dan sekatan, lapor Xinhua.

Langkah itu turut mengimbau semula ingatan terhadap 'Tokko' di Jepun.

Tokko, singkatan bagi Special Higher Police, ialah organisasi polis rahsia terkenal yang dikatakan menindas perbezaan pendapat dan menguatkuasakan kawalan ideologi di Jepun sebelum dan semasa Perang Dunia Kedua.

Ryukyu Shimpo dalam editorial terdahulu memberi amaran bahawa pengajaran sejarah mengenai polis tentera dan 'Tokko' yang memantau rakyat biasa serta bertindak keras terhadap suara antiperang tidak harus dilupakan. - ©BERNAMA

## Angka korban insiden tangki bahan kimia di Washington meningkat kepada 2

SAN FRANCISCO, 28 Mei. - Angka korban akibat insiden ledakan tangki bahan kimia di sebuah kilang kertas di Longview, negeri Washington, Amerika Syarikat (AS), meningkat kepada dua orang pada Rabu, manakala sembilan yang lain masih hilang dan dikhuatiri maut, menurut pegawai tempatan, lapor Xinhua.

Insiden itu melibatkan sebuah tangki yang mengandungi white liquor, iaitu larutan bahan kimia menghakis yang digunakan dalam pemrosesan pulpa dan kertas, dengan kapasiti kira-kira 900,000 gelen, kata pegawai.

Lembaga Siasatan Keselamatan dan Bahaya Kimia AS pada Rabu mengumumkan bahawa ia telah membuka siasatan terhadap insiden itu dan sepasukan penyiasatnya akan tiba di lokasi kejadian.

Pegawai bomba tempatan berkata tangki itu melepaskan sejumlah besar bahan kimia menghakis berkenaan dan memaklumkan usaha pemulihan akan dilakukan secara "perlahan, sistematis dan berhati-hati" berikutan ketidakstabilan struktur tangki yang rosak serta risiko pendedahan kepada bahan kimia menghakis.

Menurut pegawai itu, mana-mana mangsa yang ditemukan akan menjalani proses dekontaminasi sebelum dibawa ke pejabat koroner untuk proses pengecaman dan pemberitahuan kepada keluarga.

Pegawai tempatan berkata kerosakan tangki itu tidak menjejaskan keselamatan udara dan bekalan air minuman di Longview, walaupun sebahagian pencemaran telah sampai ke Sungai Columbia dan ujian masih dijalankan.

Gabenor Washington Bob Ferguson berkata pada Rabu bahawa pihak berkuasa sedang bersedia menghadapi kemungkinan insiden itu menjadi "tragedi industri paling dahsyat dalam sejarah moden negeri Washington".

Ledakan tangki itu berlaku di sebuah kemudahan yang dikendalikan oleh Nippon Dynawave Packaging Co., anak syarikat Nippon Paper Group dari Jepun. Punca insiden itu masih dalam siasatan. - ©BERNAMA

## Penyelidik Republik Rakyat China reka strategi baharu untuk tingkatkan prestasi sel solar

BEIJING, 27 Mei. - Sekumpulan penyelidik Republik Rakyat China telah membangunkan strategi pemampasan baharu yang meningkatkan dengan ketara kedua-dua kecekapan dan kestabilan operasi sel solar tandem perovskit/silikon, menurut artikel penyelidikan terkini yang diterbitkan dalam jurnal Matter.

Sel solar tandem perovskit/silikon menggabungkan lapisan atas perovskit, yang cekap menukar cahaya matahari kepada elektrik, dengan substrat bawah silikon.

Sel solar ini mempunyai potensi besar untuk aplikasi ringan dan berkecekapan tinggi dalam bidang fotovoltaik.

Walau bagaimanapun, permukaan bertekstur piramid substrat silikon industri

menyukarkan pemendapan lapisan atas perovskit yang seragam, yang sering membawa kepada kebocoran elektrik setempat dan seterusnya menghadkan prospek komersial sel tandem berkenaan.

Penyelidik dari Institut Teknologi dan Kejuruteraan Bahan Ningbo (NIMTE), Akademi Sains China, dengan kerjasama Universiti Soochow dan Universiti Taizhou, kedua-duanya di Wilayah Jiangsu, Republik Rakyat China timur, telah mereka bentuk strategi pemampasan terpilih puncak yang inovatif untuk menyekat kebocoran elektrik.

Kaedah mereka menggunakan sfera nano polistirena sebagai templat untuk mendepositkan lapisan penebat nipis aluminium oksida tepat pada puncak piramid, sekali gus menyekat laluan

kebocoran.

Pasukan itu mencapai kecekapan penukaran kuasa yang mengagumkan iaitu sekitar 33 peratus, dalam sel solar tandem perovskit/silikon dengan kawasan aktif kira-kira satu sentimeter persegi.

Peranti tersebut juga mengekalkan kira-kira 90 peratus daripada kecekapan awalnya selepas 1,000 jam operasi berterusan, menunjukkan kestabilan jangka panjang yang sangat baik.

"Strategi ini mudah dan serasi dengan barisan pengeluaran industri sedia ada, membawa sel solar tandem perovskit/silikon selangkah lebih dekat kepada aplikasi komersial," kata Ye Jichun, penulis koresponden kajian tersebut. - ©BERNAMA

## Rel kereta api China-Laos rekod penghantaran buah segar lebih 100,000 tan

MOHAN, 27 Mei. - Laluan Kereta Api China-Laos merekodkan penghantaran buah segar rentas sempadan sebanyak 107,900 tan sejak awal 2026, meningkat lebih 30 peratus berbanding tempoh sama tahun lepas.

Stesen Mohan, yang terletak di sempadan China-Laos muncul sebagai hab penting bagi eksport buah-buahan dari negara Asia Tenggara ke Republik Rakyat China.

Penghantaran buah segar rentas sempadan melalui stesen itu terus mencatat rekod baharu sejak awal tahun ini, dengan jumlah buah-buahan import yang dikendalikan mencecah sehingga 3,665 tan sehari.

Pelbagai langkah turut dilaksanakan bagi memudahkan urusan kastam dan pemeriksaan kargo di stesen berkenaan.

Pada masa ini, perkhidmatan rantaian sejuk beku menerusi jaringan kereta api China-Laos-Thailand beroperasi secara berkala, sekali gus memendekkan tempoh penghantaran buah-buahan dari negara Asia Tenggara ke pasaran Republik Rakyat China kepada tiga hari. - ©BERNAMA



## TIGER WOODS BAKAL TERLEPAS KESEMUA 4 KEJOHANAN UTAMA 2 TAHUN BERTURUT-TURUT

LONDON, 29 Mei. - Jaguh golf dunia, Tiger Woods bakal terlepas kesemua empat kejohanan utama buat tahun kedua berturut-turut selepas memilih untuk tidak mendaftarkan diri bagi Kejohanan Terbuka musim panas ini, lapor PA Media/dpa.

Kesemua pemain yang layak diberi tarikh akhir untuk memaklumkan kepada pihak R&A (penganjur Kejohanan Terbuka) sama ada mereka akan beraksi di Royal Birkdale pada Julai ini. Bagaimanapun, nama Woods tidak tersenarai selepas

tempoh berkenaan tamat minggu lepas.

Ketidakhadiran beliau bukanlah sesuatu yang mengejutkan memandangkan pemain berusia 50 tahun itu - yang tidak menyertai mana-mana kejohanan kompetitif sejak Terbuka 2024 di Troon akibat kecederaan dan prosedur perubatan - mengumumkan untuk berehat seketika daripada sukan berkenaan bagi mendapatkan rawatan selepas beliau didakwamemandu di bawah pengaruh alkohol susulan nahas jalan raya berhampiran kediamannya di Florida pada

Mac lepas.

Juara kejohanan utama sebanyak 15 kali itu tidak mendapat pengecualian automatik untuk saingan Terbuka Amerika Syarikat (AS) bulan depan, namun beliau mempunyai pengecualian seumur hidup untuk Kejohanan Masters dan dibenarkan beraksi dalam Kejohanan Terbuka sehingga berusia 60 tahun.

Sementara itu, Phil Mickelson telah mendaftarkan namanya untuk Kejohanan Terbuka berkenaan walaupun hanya

beraksi dalam satu kejohanan sahaja tahun ini - iaitu saingan LIV Golf di Afrika Selatan pada Mac lepas - ekoran "isu kesihatan keluarga yang peribadi".

Juara kejohanan utama sebanyak enam kali itu, juga tidak mendapat pengecualian untuk Terbuka AS, tidak pernah terlepas saingan Kejohanan Terbuka sejak 2009. Bagaimanapun, penyertaan beliau di Birkdale masih menjadi tanda tanya selagi situasi keluarganya tidak berubah. - ©BERNAMA

## Barcelona setuju bayar lebih £69 juta untuk dapatkan Gordon dari Newcastle

LONDON, 28 Mei. - Barcelona dan Newcastle United dilaporkan telah mencapai persetujuan membabitkan yuran perpindahan melebihi £69 juta (USD92.66 juta) bagi pemain antarabangsa England, Anthony Gordon, lapor PA Media/dpa.

Sumber di Tyneside memaklumkan bahawa gergasi Catalan itu bertindak pantas dalam usaha mendapatkan pemain berusia 25 tahun itu selepas muncul laporan bahawa rundingan telah dibuka dengan Newcastle.

Juara Sepanyol itu difahamkan bersetuju membayar lebih £69.3 juta, kepada kelab Liga Perdana Inggeris itu bagi mendapatkan khidmat Gordon, pemain yang mereka perhatikan secara dekat ketika aksi Liga Juara-juara musim ini.

Perkembangan itu dijangka mengecewakan Bayern Munich yang turut berminat mendapatkan Gordon, selain beberapa lagi kelab yang menjadi pencabar.

Perpindahan itu juga akan menyaksikan Newcastle memperoleh keuntungan besar daripada £45 juta yang dibayar kepada Everton untuk mendapatkan Gordon pada Januari 2023, ketika kelab itu sedang merombak semula pasukan selepas kempen yang mengecewakan.

Pengurus Newcastle, Eddie Howe, dalam beberapa minggu kebelakangan ini mengakui terdapat kemungkinan Gordon meninggalkan kelab itu pada musim panas ini. Gordon turut disenaraikan

dalam skuad kendalian Thomas Tuchel bagi menghadapi Piala Dunia.

Spekulasi mengenai masa depan pemain itu telah berlarutan selama dua musim, dengan senarai kelab yang berminat tidak terhad kepada dua gergasi bola sepak Eropah itu sahaja, malah Liverpool juga dilaporkan lama meminatinya.

Gordon memainkan peranan penting dalam kebangkitan semula Newcastle sejak beberapa musim kebelakangan ini, dengan gandingan serangannya bersama Alexander Isak, yang menyertai Liverpool dengan nilai £130 juta musim panas lalu, serta Jacob Murphy membuahkan hasil.

Prestasinya turut menjadi antara faktor utama membantu Newcastle menamatkan penantian 70 tahun untuk menjulang trofi domestik utama menerusi kejuaraan Piala Liga musim 2024-25, walaupun beliau tidak beraksi dalam perlawanan akhir akibat penggantungan.

Namun, di sebalik spekulasi berterusan mengenai perpindahannya dari Tyneside, pengaruh Gordon dilihat sedikit merosot musim ini meskipun menjaringkan 17 gol, termasuk 10 gol dalam Liga Juara-juara, antaranya satu ketika menentang Barcelona.

Ketika spekulasi perpindahan semakin memuncak menjelang penghujung musim, Howe memutuskan untuk tidak menurunkan pemain itu selepas pulih daripada kecederaan dengan alasan mahu memberi tumpuan kepada perancangan masa depan pasukan. - ©BERNAMA

## Neymar bakal terlepas perlawanan pembukaan Piala Dunia Brazil menentang Maghribi

BERLIN, 29 Mei. - Penyerang prolifik, Neymar, tidak dapat beraksi dalam perlawanan pemanasan badan skuad Brazil dan dijangka terlepas aksi pembukaan kejohanan Piala Dunia menentang Maghribi, menurut doktor pasukan kebangsaan kepada pengamal media pada Khamis, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Neymar tiba semalam di Granja Comary (pusat latihan Brazil berhampiran Rio de Janeiro), selesai menjalani semua ujian perubatan, dan disahkan mengalami kecederaan betis gred dua. Beliau dijangka terpaksa berehat selama dua hingga tiga minggu," kata doktor pasukan, Rodrigo Lasmar.

Brazil dijadualkan menentang Panama dalam aksi persahabatan pada Ahad, diikuti perlawanan menentang Mesir pada 6 Jun. Perlawanan pertama mereka dalam saingan Piala Dunia menentang Maghribi pula dijadualkan berlangsung pada 13

Jun.

Neymar sering dibelenggu masalah kecederaan sejak beberapa musim kebelakangan ini, malah timbul keraguan sama ada beliau akan disenaraikan ke dalam skuad oleh Jurulatih Carlo Ancelotti selepas namanya tidak dicalonkan bagi perlawanan persahabatan awal tahun ini.

Penampilan terakhir bintang itu bersama juara dunia lima kali berkenaan adalah pada Oktober 2023 apabila beliau mengalami kecederaan pada lututnya ketika Brazil tewas 0-2 kepada Uruguay dalam aksi kelayakan Piala Dunia.

Sejak insiden itu, Neymar - yang telah mengumpul 128 cap penampilan antarabangsa - masih bergelut untuk mendapatkan semula prestasi terbaiknya. Kelab Arab Saudi, Al-Hilal, melepaskan beliau secara perpindahan percuma untuk menyertai semula kelab zaman kanak-kanaknya, Santos, pada Januari 2025. - ©BERNAMA

## Tahukah Awda

**D**i peringkat awal pertandingan Membaca Al-Quran diadakan di Masjid Kajang yang lebih menyerupai sebuah pentas dibina sebagai tempat qari dan qariah memperdengarkan bacaan mereka. Setelah terbinanya Masjid Omar 'Ali Saifuddin, tempat pertandingan membaca Al-Quran telah berpindah ke pekarangan masjid tersebut. Bahtera 'mahligai' yang dibina di Lagun Masjid Omar 'Ali Saifuddin sempena sambutan tahun 1400H / 1967M, kemudiannya telah dijadikan astaka bagi para qari dan qariah.

SUMBER : Buku 50 Tahun Pertandingan Membaca Al-Quran NBD.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

ABDB MEMIKUL AMANAH BESAR MEMPERTAHANKAN KEDAULATAN NEGARA, SATU IBADAH YANG TINGGI NILAINYA DI SISI ALLAH